**Laporan Suruhanjaya Siasatan siap** MS 6





**Pelaburan negeri tidak 'suram'** MS 19

PERCUMA

buletin **Mutiara**



Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

1 – 15 NOVEMBER 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Bajet 2016 Pusat 'abai' rakyat Malaysia di P. Pinang - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Bajet 2016 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak sekali lagi tidak memberikan sebarang manfaat projek pembangunan kepada rakyat Malaysia yang bermastautin di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam reaksi spontan melahirkan rasa kecewa kerana projek-projek pembangunan utama di negeri ini langsung tidak disebut dalam belanjawan Kerajaan Pusat tersebut.

"Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri Pulau Pinang melahirkan perasaan kesal yang besar (terhadap) Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan yang sekali lagi meminggirkan Pulau Pinang, kerana langsung tiada projek pembangunan diumumkan untuk Pulau Pinang.

"Kita (Kerajaan Negeri) ingin mengingatkan mereka (Pusat) bahawa Pulau Pinang adalah sebahagian daripada Malaysia, dan telah menyumbang sebanyak RM6.25 bilion cukai pada tahun 2014.

"Sungguh tidak adil apabila menzalimi negeri Pulau Pinang dengan menafikan beberapa projek pembangunan yang penting, seperti pembesaran Lapangan Terbang (Antarabangsa Pulau Pinang), projek infrastruktur (demi) meleraikan kesesakan lalu lintas, serta janji Perdana Menteri sebanyak tiga kali sebelum ini untuk membina LRT (Transit Aliran Ringan).

"Amalan yang ditonjolkan dalam Bajet 2016 ini jelas-jelas bertentangan dengan amalan federalisme dalam Perlembagaan, serta sikap semangat Malaysia yang harus disemai," tegasnya selepas selesai Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) turut sertai sidang media tersebut.

Sebelum itu, Guan Eng pada satu sidang media lain menjelaskan, *'Zerorise GST'* atau GST Berkadaran Sifar yang dicadangkan oleh pihak pembangkang dalam Bajet Alternatif sebenarnya ke arah memansuhkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

Justeru, beliau memberitahu, Perdana Menteri tidak sewajarnya menganggap *'Zerorise GST'* sebagai komitmen para Ahli Parlimen pembangkang daripada blok Pakatan Harapan menyokong pelaksanaan GST yang diumumkan dalam perbentangan Bajet 2016 di Dewan Rakyat, 23 Oktober lalu.

"Mereka (Kerajaan Pusat) telahpun meletakkan GST sebagai sistem (cukai negara), (dengan) langkah menghapuskannya (GST) akan menelan lebihan kos di seluruh negara.

"Oleh itu, kita (Pakatan Harapan) mahu GST Berkadaran Sifar, yang secara efektif mampu menghapuskan GST keseluruhannya," tegas beliau yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Dalam majlis rasmi berasingan, Guan Eng turut mempersoal langkah Kerajaan Pusat yang didakwa langsung tidak mengutip cukai berwajib daripada syarikat-syarikat konsesi tol.

"RM39 bilion akan dikutip melalui GST dan tanpanya, pendapatan negara akan berkurangan sebanyak RM21 bilion.

"Tetapi, mengapa cukai tidak dikutip daripada syarikat konsesi tol (sedangkan) pendapatan (sumber tol) dipungut daripada 30 juta rakyat Malaysia.

"Selagi kita tidak memansuhkan GST, kita tidak akan dapat memastikan kita mempunyai wang yang mencukupi untuk menampung perbelanjaan," katanya pada Majlis Pecah Tanah Pasar Baru Taman Inderawasih dekat Perai baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal), Soon Lip Chee (ADUN Jawi), P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) dan Dato' Maimunah Mohd. Sharif (Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, MPSP) turut hadir pada majlis tersebut.

Selain itu, Guan Eng mempertikai Bajet 2016 yang didakwa hanya memulangkan semula kira-kira RM764.18 juta secara langsung kepada rakyat, sedangkan jumlah hasil Kerajaan Persekutuan termasuk daripada sumber GST dianggarkan sebanyak RM225 juta (RM224,891,628).

"Itu adalah bersamaan bayaran RM26 (oleh tiap-tiap rakyat) untuk RM1 yang dikembalikan kepada rakyat.

"Bagaimana Kerajaan Pusat boleh dilihat bertindak seperti seorang wira, dan, bagaimana (Bajet 2016) ini boleh memberi kebaikan untuk rakyat," soalnya.

Beliau turut melahirkan kekecewaan kerana Najib langsung tidak mengemukakan langkah untung memulihkan mata wang Ringgit Malaysia (RM) serta keyakinan pelabur pada masa depan ekonomi negara, khususnya dalam tempoh tahun 2016.

"Tiada apa-apa langkah yang diumumkan untuk menyelamatkan mata wang.

"Tiada apa-apa untuk memulihkan keyakinan pelabur, tiada langkah-langkah untuk menangani rasuah dan skandal kewangan," ujar beliau yang juga ADUN Air Putih.




Oleh : **ME**



# Bekas Pengarah Lembaga TH negeri terima DSPN

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN -** Bekas Pengarah Negeri Lembaga Tabung Haji Pulau Pinang, Ahmad Sohaimi Abd. Rahim, 57, menerima penganugerahan Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk pada Majlis Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Jadi ke-77 Yang di-Pertua Negeri (TYT) di sini baru-baru ini.

Beliau yang dilahirkan di Permatang Bertam, Kepala Batas, Seberang Perai Utara (SPU) pada 1958 menabur khidmat selama 10 tahun sebagai Pengarah Negeri Lembaga Tabung Haji Pulau Pinang dari tahun 2001 hingga 2011. Kini, beliau berkhidmat sebagai Pengurus Besar Tabung Haji di Ibu Pejabat Lembaga Tabung Haji Malaysia.

Ketika ditemui, Ahmad Sohaimi yang ditemani isterinya, Faridah Osman, 53, menyatakan bahawa beliau bersyukur dengan penganugerahan diterima.

"Bersyukur. Terima kasih kepada Tuan Yang Terutama (TYT) di atas perkenan menganugerahkan darjah kebesaran ini.

"Semasa berkhidmat sebagai pengarah negeri, saya bertanggungjawab mencari pendeposit baru untuk Tabung Haji (TH). Angka ahli Tabung Haji (TH) dan sumbangan dana melalui simpanan senantiasa meningkat.

"Perkembangan ini secara tidak langsung menyumbang kepada ekonomi Islam dan sumbangan zakat kepada negeri. Sehingga pada masa ini, sejumlah RM2 juta disumbangkan kepada Zakat Pulau Pinang (ZPP) hasil simpanan pendeposit.

"Selain itu, saya turut memasarkan kompleks haji (TH) di Bayan Lepas sebagai sebuah hotel yang menawarkan perkhidmatan hospitaliti di Pulau Pinang. Pendekatan ini menyumbang ke arah peningkatan jumlah bilik di dalam sektor pelancongan di sini," katanya kepada Buletin Mutiara selepas penganugerahan berkaitan baru-baru ini.

Majlis penganugerahan darjah kebesaran disempurnakan TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama meraikan majlis tersebut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta isteri, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Dato' Law Choo Kiang serta isteri, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain.

Turut menerima penganugerahan pada majlis sama, Tzu Chi Dharma Master Cheng Yen menerima Darjah Gemilang Pangkuan Negeri (DGPN) yang membawa gelaran Datuk Seri. Beliau diwakili oleh Reverance De Fan.

Beliau dilahirkan pada 14 Mei 1937 di Taiwan dan merupakan pengasas *Buddhist Compassion Relief Tzu Chi* iaitu sebuah pertubuhan amal yang telah berkembang meliputi 51 negara. Pertubuhan tersebut memulakan aktiviti di Malaysia dan di Pulau Pinang pada 1989.




**DR. Abdul Rahman Abbas bergambar kenangan dengan Ketua Menteri, barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan para penerima darjah kebesaran, Datuk Ahmad Sohaimi Abd. Rahim (berdiri, dua dari kanan), Reverence De Fan (berdiri, tiga dari kiri), Datuk Mohd. Ibrahim Abdul Rahman (berdiri, dua dari kiri), Nawawi Ishak (berdiri, kanan sekali) dan Biskop Charles Kumar Samual (berdiri, kiri sekali) pada Majlis Penganugerahan Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Kehormatan Negeri Pulau Pinang sempena Sambutan Hari Jadi ke-77 TYT di sini baru-baru ini.**

Peguamcara dan peguambela, Mohd. Ibrahim Abdul Rahman menerima Darjah Setia Pangkuan Negeri (DSPN) yang membawa gelaran Datuk.

Berkelulusan Ijazah Sarjana Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia pada tahun 1987, Mohd. Ibrahim yang dilahirkan di Pulau Pinang pada 1948 merupakan seorang peguamcara dan peguambela di firma guamannya sendiri, iaitu Tetuan Ibrahim & Kim, Advocates & Solicitor di Green Hall, di sini serta mempunyai empat buah cawangan lain.

Menerima Darjah Johan Negeri (DJN) ialah Nawawi Ishak yang merupakan Pengarah Negeri Lembaga TH Perak.

Turut menerima DJN ialah Biskop Charles Kumar Samual. Beliau merupakan seorang Vicar di *St. George Church Penang (heritage church)* mulai tahun 2011. Pada tahun 2014, beliau dilantik sebagai Pembantu Biskop Diocese of West Malaysia.

DSPN dizahirkan pada tahun 1976 kepada orang perseorangan yang telah memberikan perkhidmatan istimewa dan mempunyai taraf kedudukan tertinggi. Ia hanya dihadkan kepada 1,000 orang yang masih hidup tidak termasuk yang bukan warganegara Malaysia.

DGPN dizahirkan pada tahun 1996 dan diberikan kepada 100 warga Malaysia yang masih hidup tidak termasuk bukan warganegara Malaysia.

Manakala, DJN dizahirkan pada 1969 dan diberikan kepada 1,150 warga Malaysia yang masih hidup dan tidak termasuk bukan warganegara Malaysia.

# Bajet 2016: Longgarkan syarat pinjaman perumahan bank – Exco

**GEORGE TOWN –** Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama dengan peruntukan RM200 juta sebagaimana diumumkan dalam Bajet 2016 pada 23 Oktober lalu diharap turut memenuhi keperluan pembeli berwajib daripada kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian kerana kira-kira 70 peratus permohonan pinjaman perumahan ditolak oleh pihak bank, sehingga menggamit kebimbangan daripada Persatuan Pemaju Hartanah & Perumahan Malaysia (REHDA) dan Persatuan Pembeli Rumah (HBP) sendiri.

"Bajet 2016 sepatutnya turut mengutamakan kadar penolakan permohonan pinjaman yang tinggi kerana dalam kajian REHDA menunjukkan sebanyak 70 peratus permohonan pinjaman perumahan di negara ini ditolak oleh pihak bank.

"Langkah-langkah perlu diambil untuk menangani kadar penolakan pinjaman oleh pihak bank yang setinggi 70 peratus," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat kepada wartawan di sini.

Dalam kajian REHDA yang turut dirujuk oleh *iProperty.com,* Jagdeep memberitahu, kadar penolakan pinjaman perumahan adalah paling tinggi di negeri Johor, diikuti Selangor dan ketiga adalah Pulau Pinang.

Atas maksud itu, Jagdeep berkata, beliau berharap perbincangan dengan Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz atau Penolong Gabenornya, Abu Hassan Alshari Yahaya mengenai syor melonggarkan syarat pinjaman perumahan perbankan dapat disegerakan.

"Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri menyatakan komitmen untuk membincangkan isu berhubung dengan pertimbangan agar bank-bank komersial memperkenalkan pinjaman yang berlainan dan melonggarkan syarat-syarat pinjaman untuk pembelian rumah kos rendah, kos sederhana rendah dan mampu milik," jelas Jagdeep, mengulas balasan surat rasmi Abu Hassan Alshari untuk mengadakan pertemuan pada 2 November lalu.

Dalam perkembangan lain, Jagdeep sekali lagi menggesa Kerajaan Pusat supaya menyegerakan proses kelulusan baki 118 lagi permohonan dana Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) ke Pulau Pinang.

Bagi Jagdeep, TP1M yang langsung tidak disebut dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pada 21 Mei lalu wajar dianggap masih diteruskan oleh Kerajaan Pusat pada tahun depan.

Ini kerana, tambah beliau, berdasarkan surat rasmi Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohd. Sadique bertarikh 19 Oktober 2015 yang menyebut mengenai cadangan mengadakan mesyuarat dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang sendiri, untuk menyediakan pelan pelaksanaan TP1M dan Program Penyelenggaran Perumahan (PPP).

"Melalui surat ini, saya beranggapan bahawa TP1M masih diteruskan," kata Jagdeep.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan dokumen berkaitan sebagai mengulas pembentangan Bajet 2016 Pusat pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# P. Pinang pasang 50 lagi WiFi berkelajuan tinggi 3Mbps percuma

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Sebanyak 50 lagi *hotpsot* WiFi berkelajuan tinggi dengan kepantasan 3Mbps dipasang secara percuma membabitkan beberapa lokasi strategik sekitar Komtar dan George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO di sini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, inisiatif terbaru itu diharap dapat mempercepatkan proses membawa Pulau Pinang kepada status bandaraya dan antarabangsa yang lebih bersih, hijau, selamat dan sihat.

"Objektif kami (Kerajaan Negeri), internet ini boleh diakses oleh semua orang pada bila-bila masa.

"Kami amat gembira apabila perkhidmatan WiFi secara percuma di tempat-tempat awam ini terus menjadi begitu popular, bukan sahaja dalam kalangan penduduk Pulau Pinang, malah pelancong juga," katanya pada majlis pelancaran perkhidmatan berkaitan di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir), Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna), Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan) turut sertai sidang media tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai. Bagi pihak syarikat pembekal, REDtone International Berhad (REDtone), Presiden dan Ketua Pegawai Perniagaan, Shaifubahrim Saleh serta Prabodh K. Sheth (Ketua Pegawai Kewangan) turut serta.

Terdahulu, terdapat 1,560 *hotspot* WiFi percuma dipasang secara berperingkat di bahagian pulau dan Seberang Perai sejak tahun 2009 hingga kini, dengan menerima kira-kira 600,000 pengguna berdaftar.



**KETUA Menteri sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (dua dari kiri) dan barisan Exco Kerajaan Negeri pada Majlis Pelancaran Tambahan Hotspot WiFi Berkelajuan Tinggi di sini baru-baru ini.**

Pada Februari lalu, Guan Eng memberitahu bahawa jalur lebar sedia ada bakal dinaiktaraf dari 75Mbps kepada 375Mbps, dengan pengguna internet boleh menikmati kelajuan lebih cepat sehingga 1Mbps, berbanding 512Kbps dahulu.

Selepas Pulau Pinang dikenali sebagai negeri pertama menyediakan perkhidmatan WiFi secara percuma, kini dikenali sekali lagi sebagai negeri yang menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi di tanah air ini.

# Waris OKU terima bantuan khairat kematian RM1,000

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Seramai 53 waris orang kurang upaya (OKU) yang telah meninggal dunia dan berdaftar di bawah Program i-Sejahtera Kerajaan Negeri menerima sumbangan RM1,000 sempena Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Pengurusan Jenazah OKU 2015 di sini baru-baru ini.


**NOORZAFIRAH Abdul.**

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, Kerajaan Negeri Pakatan Harapan berupaya memberi keadilan kepada semua rakyat tanpa mengira kaum, agama, jantina atau latar belakang politik.

"Kita (Kerajaan Negeri) sentiasa peka dan mencari jalan bagi membantu semua rakyat Pulau Pinang terutamanya golongan istimewa ini (OKU).

"Berdasarkan rekod, seramai 8,664 OKU yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMPP) melalui sistem i-sejahtera Kerajaan Negeri dan memperoleh sumbangan tahunan bernilai RM100 dengan jumlah keseluruhan sumbangan bernilai RM866,400.00 bagi tahun 2015.

"Malah, bagi majlis hari ini, Kerajaan Negeri menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Pulau Pinang (JKMPP) memperuntukkan RM53,000 untuk diserahkan kepada waris-waris OKU berdaftar yang telah meninggal dunia," katanya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Exco Kebajikan Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Pengarah JKMPP, Said Sidup.

Pada majlis berkaitan, seramai 15 penerima adalah dari Daerah Timur Laut, Daerah Barat Daya (7), Daerah Seberang Perai Utara (9), Daerah Seberang Perai Tengah (7) dan Seberang Perai Selatan (15).

Dalam pada itu, bagi salah seorang waris, Noorzafirah Abdul, 28, beliau bersyukur dengan sumbangan yang diterima bagi pihak ibunya, Allahyarhamah Noriah Saari, 58, yang telah kembali ke rahmatullah September 2014.

"Syukur, alhamdulillah, sumbangan ni akan dimanfaatkan sepenuhnya.

"Insya Allah, kami bercadang nak adakan kenduri tahlil dan doa selamat buat arwah mak dan abah," ujarnya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Noorzafirah memberitahu bahawa kedua-dua ibu bapanya merupakan OKU.

"Arwah mak meninggal disebabkan serangan strok selama empat tahun. Dia (Noriah) lumpuh kaki sejak kecil. Arwah abah pula cacat penglihatan dan dah meninggal lama.

"Sebelum ni (arwah abah) tak pernah terima apa-apa bantuan. Terima kasih Ketua Menteri," ujar beliau.


**SALAH sebuah keluarga yang hadir menerima sumbangan.**

# Kategori baharu RMM, realisasi impian miliki rumah pertama

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN** – Bagi merealisasikan impian rakyat Pulau Pinang untuk memiliki rumah pertama serta layak mendapat pinjaman perumahan di bank, Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan kategori baharu bagi rumah mampu milik (RMM) berharga RM150,000.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo dalam satu sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, sebelum ini, Kerajaan Negeri hanya memperkenalkan tiga kategori RMM dengan siling pendapatan isi rumah masing-masing antara RM6,000; RM8,000 dan RM10,000 bagi harga rumah antara RM200,000; RM300,000 dan RM400,000.

"Selepas mengambil kira beberapa faktor semasa terutama apabila sektor perbankan menganggap kategori tersebut (sebelum ini) sebagai terlalu berisiko dengan kadar penolakan permohonan pinjaman bank amatlah tinggi, Kerajaan Negeri membuat keputusan agar siling pendapatan isi rumah dinaikkan kepada RM8,000; RM10,000 dan RM12,000 masing-masing bagi kategori sebelum ini dengan memperkenalkan kategori baharu iaitu RM150,000 bagi mereka yang berpendapatan isi rumah RM6,000," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Tambah Jagdeep, unit bagi kategori tersebut adalah berkeluasan minimum 750 kaki persegi, tetapi tanpa kemasan akhir (berbanding harga unit rumah RM200,000 yang mempunyai kemasan).

Tambah beliau, dalam usaha merangsangkan penjualan rumah mampu milik di negeri ini, Kerajaan Negeri turut meluaskan kumpulan sasaran pembeli yang layak.

"Sungguhpun pasaran bagi penjualan rumah mampu milik di negara dilihat perlahan dengan ketidaktentuan nilai ringgit kini, namun, Kerajaan Negeri percaya, dengan adanya kategori baharu ini, pasaran hartanah di Pulau Pinang akan terus rancak.

"Tambahan pula, mereka yang sudah memiliki rumah juga layak untuk memohon bagi kategori keempat (bagi rumah mampu milik) ini.

"Bagaimanapun, mereka yang hendak memohon mestilah pengundi berdaftar di Pulau Pinang dan hanya layak membeli satu unit rumah mampu milik serta layak memohon selepas tempoh lima tahun dari tarikh penyerahan kunci rumah terdahulu," ujarnya yang berharap agar lebih ramai pemohon berupaya mendapatkan pinjaman perumahan di bank dengan adanya kategori baharu tersebut.

Pada Januari 2014, Kerajaan Negeri telah memperkenalkan tiga kategori RMM dan menyaksikan 12 projek perumahan mampu milik diumumkan membabitkan pembinaan 22,512 unit rumah selain 12,600 unit dari sektor swasta.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga giat membangunkan rumah kos rendah berharga RM42,000 bagi mereka yang berpendapatan isi rumah RM2,500 sebulan serta unit rumah kos sederhana rendah berharga RM72,500 bagi mereka berpendapatan isi rumah RM3,500.



**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan keratan akhbar rencana mengenai pasaran penjualan hartanah pada sidang medianya di sini baru-baru ini.**

## Perkenal vaksinisasi Pneumokokal dalam jadual imunisasi kebangsaan, desak Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar: **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG LALANG** – Kerajaan Pusat didesak memperkenalkan vaksinisasi penyakit Pneumokokal dalam jadual imunisasi kebangsaan, demi mengurangkan risiko kematian kanak-kanak berusia kurang lima tahun akibat jangkitan bakteria *Streptococcus Pneumonia*.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin berkata, 200 vaksin Pneumokokal diberikan kepada kanak-kanak berdaftar, serentak dengan penganjuran Karnival Penang Sihat, yang dilangsungkan pada 18 Oktober lalu di padang awam Taman Seri Pauh dekat Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya.

"Selain meningkatkan kesedaran, kita (Kerajaan Negeri) juga ingin mendesak Kerajaan (Pusat) untuk memperkenalkan vaksin ini dalam jadual imunisasi kebangsaan kerana ada kepentingan untuk semua kanak-kanak di negara ini.

"Kami (Kerajaan Negeri) amat berharap agar anjuran Karnival Penang Sihat ini dapat memberi kesedaran yang tinggi dan juga kebaikan kepada masyarakat, dengan mengekalkan gaya hidup yang sihat," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya pada penganjuran karnival tersebut di sini baru-baru ini.


**SEBAHAGIAN pengunjung yang mendaftar untuk membuat pemeriksaan kesihatan.**


**SALAH satu demonstrasi kesihatan yang dijalankan.**

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon.

Mengulas lanjut, Afif turut merakamkan penghargaan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), *Parenting 2U* yang diwakili Li Jin Chon kerana menyumbang 200 vaksin Pnuemokokal secara percuma sempena kempen *"Yes To PnD Campaign"* dalam karnival tersebut.


**MOHD. Rashid Hasnon (barisan belakang, lima dari kiri) dan Dr. Afif Bahardin (barisan belakang, dua dari kiri) bergambar kenangan dengan jawatankuasa penganjur dan golongan kanak-kanak yang menjayakan penganjuran Karnival Penang Sihat di sini baru-baru ini.**

Sekarang ini, kata Afif, ibu bapa yang mempunyai kesedaran serta kemampuan daripada segi kewangan mendapatkan vaksin tersebut dari hospital atau klinik swasta, dengan bayaran antara RM250 hingga 320 bagi satu suntikan untuk anak masing-masing.

Pneumokokal adalah sekumpulan penyakit respirator kompleks yang disebabkan oleh bakteria *Streptococcus Pneumonia*.

Lebih daripada 90 *stereotype* penyakit tersebut boleh menyebabkan jangkitan bakteria dalam darah, radang otak, radang paru-paru dan jangkitan di telinga.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan risiko kematian tahunan akibat Pneumokokal adalah kira-kira 0.7 hingga sejuta kanak-kanak berusia kurang daripada lima tahun.

Pada peringkat global, jumlah laporan penyakit Pneumokokal yang direkodkan adalah kira-kira 14.5 juta kes, membabitkan kanak-kanak berusia di bawah lima tahun.

# Masyarakat terbaik asuh generasi hafal Al-Quran sejak kecil – TKMI

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**



**TUAN Guru Ustaz Hamzah Jaafar menunjukkan anugerah yang diterima.**



**MUHAMMAD Haddad Syazili Osman (depan) menerima Anugerah Hafiz Termuda daripada Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) sambil disaksikan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Ijtimak Al-Huffaz Peringkat Negeri 2015 di sini baru-baru ini.**

**BERTAM** – Enam penghafaz 30 juzuk Al-Quran dipilih menerima Anugerah Hafiz dalam pelbagai kategori pada Majlis Ijtimak Al-Huffaz Peringkat Negeri 2015 di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon memberitahu bahawa inisiatif penghargaan kepada golongan Huffaz diteruskan sejak tahun 2008 sebagai kelangsungan kepada agenda memartabatkan Islam di negeri ini.

“Masyarakat akan menjadi bertambah baik, apabila generasi muda kita diasuh sejak kecil secara seimbang untuk cemerlang dalam akademik serta mampu menghafal Al-Quran.

“Sesungguhnya majlis penghargaan kepada Huffaz yang diadakan tiap-tiap tahun ini sebagai salah satu lagi komitmen Kerajaan Negeri untuk merealisasikan maksud sebenar *Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin* (Islam Rahmat Untuk Sekalian Alam) di Pulau Pinang,” jelasnya yang juga ADUN Pantai Jerejak pada majlis yang diadakan di Masjid Abdullah Fahim di sini baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, Dato' Abdul Malik Abul Kassim turut berucap pada majlis tersebut, sebelum acara perasmian yang disempurnakan sendiri oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.

Hadir sama, ADUN Permatang Pasir merangkap Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man, Datuk Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Negeri) dan Dato' Sazali Hussein (Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, JHEAIPP).

Muhammad Haddad Syazili Osman, 12, dipilih menerima Anugerah Hafiz Termuda atas kejayaannya menghafal 30 juzuk pada tahun 2015 di Madrasah Darul Ulum Al-Hashimiyyah dekat Padang Tembak, Air Itam.

Empat penerima anugerah lain adalah Ustaz Zolkornain Tan untuk kategori Guru Al-Hafiz, diikuti, Basirah Ahmad (Anugerah Keluarga Al-Hafiz), Abdul Malik Jee @ Baharom (Anugerah Khas Al-Hafiz) dan Tuan Guru Ustaz Hamzah Jaafar iaitu Guru 'Sekolah Pondok Padang Lalang' (Anugerah Tokoh Al-Hafiz).

Manakala, Madrasah Miftahul Irfan di bawah *Mudir*, Shamsudeen Mohamed Hasan di Balik Pulau dipilih menerima Anugerah Maahad Tahfiz Terbaik.

Dalam perkembangan lain, Kerajaan Negeri pada pertengahan bulan Julai lalu menyumbang bantuan khas kewangan sebanyak RM596,200 kepada 2,059 guru agama, termasuk 170 guru tahfiz demi merealisasikan maksud *Al-Islam Rahmatun Lil 'Alamin di Pulau Pinang*.

# MC diseru ambil tawaran perkongsian kos cat semula premis

Gambar : **LAW SUUN TING & PDC**



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) menandatangani plak sebagai menyempurnakan gimik Majlis Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula Blok 1, Jalan Tengah, Bayan Baru di sini baru-baru ini.**



**RUPA bentuk bangunan yang siap dicat semula.**

**PANTAI JEREJAK** – Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon menyeru perbadanan pengurusan (MC) rumah-rumah pangsa yang dimajukan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) supaya mengambil tawaran perkongsian kos disediakan pihak berkaitan dan Kerajaan Negeri dalam usaha pengecatan semula premis bangunan masing-masing.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak menyatakan bahawa inisiatif tersebut merupakan kaedah dan saluran terbaik untuk MC berganding bahu dengan PDC dan Kerajaan Negeri bagi memiliki premis yang lebih selesa dan cantik.

“Ini kerana, nilai pasaran unit-unit bangunan berimej dan berwajah baru selepas dicat semula akan terus meningkat yang mana telah dibuktikan bagi projek-projek perumahan PDC lain yang mengalami proses sama," katanya pada Majlis Penyerahan Rasmi Penyiapan Kerja-kerja Pengecatan Semula Blok 1, Jalan Tengah, Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Rashid memberitahu bahawa projek tersebut yang merangkumi 14 *slab block* (lima tingkat) dan tiga *point block* (12 tingkat) adalah lebih istimewa ekoran turut memperoleh bantuan Ahli Parlimen Bayan Baru, Sim Tze Tzin.

“Iaitu, polisi pengecatan adalah berdasarkan perkongsian 80/10/10 yang mana pihak MC hanya perlu menanggung kos 10 peratus sahaja, manakala baki 10 peratus lagi akan dibayar oleh Kerajaan Negeri.

“Bagi Blok 1 ini, kos keseluruhan kerja pengecatan semula adalah berjumlah RM139,000. PDC telah menanggung 80 peratus kos berjumlah RM111,200, baki bahagian 20 peratus adalah masing-masing dikongsi antara MC dan Kerajaan Negeri sebanyak RM13,900.

“Kerja-kerja pengecatan semula blok telah bermula 5 Mac lalu dan siap sepenuhnya pada 4 Mei lalu, iaitu mengambil tempoh pelaksanaan selama dua bulan," jelas beliau sambil menyatakan bahawa projek tersebut merupakan yang ke-sembilan siap dilaksanakan PDC melalui kaedah perkongsian berkaitan.

Projek perumahan Blok 1, Jalan Tengah, Bayan Baru dibina pada 1985 dan merupakan bangunan 12 tingkat dengan 119 unit kediaman. Sebagai pematuhan kepada kehendak Akta Hakmilik Strata 1985, projek tersebut diserahkan oleh PDC kepada MC Blok 1 untuk tujuan pengurusan dan penyelenggaraan mulai 26 Mac 2005.

# Syor suruhanjaya ambil tindakan terhadap pegawai daerah - Jagdeep

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri dimaklumkan supaya mengambil tindakan terhadap seorang pegawai daerah berdasarkan syor dikemukakan dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan Mengenai Kegagalan Dua Struktur Awam Di Negeri Pulau Pinang mengenai insiden runtuhan tiang penangkap kilat dari puncak Menara Umno di Jalan Macalister pada 13 Jun 2013.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata demikian selepas dilantik untuk mempengerusikan suatu jawatankuasa pelaksanaan syor-syor yang dikemukakan dalam laporan suruhanjaya tersebut.

"Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan terhadap Pegawai Daerah sepertimana disyorkan di perenggan 11.0 (d) Laporan Suruhanjaya Siasatan.

"Malah, laporan Suruhanjaya itu mencadangkan jawatankuasa kecil pelaksana supaya memecat pegawai daerah kerana 'mengabaikan tugas yang ketara'," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada sidang media di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti merangkap ADUN Bagan Jermal), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna merangkap ADUN Batu Maung) dan Dato' Aliza Sulaiman (Penasihat Undang-Undang Negeri) turut dilantik menganggotai jawatankuasa kecil tersebut bagi melaksanakan keputusan serta penemuan dalam laporan suruhanjaya siasatan tersebut.



LALDIN Zainal Abidin dan Shariffah Ramli ketika hadir pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.



AHLI-ahli keluarga mangsa runtuhan tiang penangkap kilat dari puncak Menara Umno pada 13 Jun 2013.

Dalam perkembangan sama, langkah Guan Eng mengerah jurutera sukarelawan membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) demi menangani insiden runtuhan tiang penangkap kilat tersebut turut dipuji dalam Laporan Suruhanjaya Siasatan.

"Pengerahan jurutera sukarelawan dari sektor swasta untuk bantuan kecemasan ialah keputusan sangat baik yang telah diambil oleh Ketua Menteri kerana mereka mempunyai kepakaran dan pengalaman praktikal yang relevan yang mungkin tidak dimiliki oleh jurutera MPPP (kini dikenali sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP)," lapor Suruhanjaya dipetik daripada dokumen rasmi tersebut.

Laporan itu turut merakamkan rasa terhutang budi kepada beberapa jurutera sukarelawan, iaitu Dato' Ir. Lim Kok Khong, Ir. Yao Ann Nian, Ir. Ting Chek Choon, Ir. Khoo Koon Tai dan Ir. Chin Too Hong.

Selain itu, dokumen tersebut mendedahkan hasil siasatan suruhanjaya terhadap insiden runtuhan 'perencah berat' Jambatan Kedua Pulau Pinang (JKPP) pada 6 Jun 2013.

Bercakap pada sidang media, Guan Eng sekali lagi menyatakan komitmen Kerajaan Negeri bagi bantuan guaman sekiranya diperlukan oleh waris keluarga mangsa.

"Sungguhpun insiden ini telah berlaku dua tahun lalu, tetapi, masih dirasai oleh keluarga mangsa dan kita (Kerajaan Negeri).

Beliau berkata demikian sebelum menyerahkan dokumen rasmi laporan tersebut kepada dua waris kepada Allahyarham Tajudin Zainal Abidin yang maut dihempap tanjakan konkrit dan 'perencah berat' JKPP.

Adik Allahyarham, Laldin Zainal Abidin, 42, dan salah seorang balu Allahyarham, Shariffah Ramli, 42, masing-masing melahirkan rasa sedih atas pemergian Tajudin, serta merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana komited untuk membantu pada aspek guaman berwajib, jika diperlukan kelak.

"Mestilah teringat balik kepada arwah...kami daripada pihak keluarga arwah bersetuju dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana sudi membantu kami dari segi kedudukan perundangan," jelas Laldin.

Terdahulu, Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas sendiri yang menubuhkan suruhanjaya tersebut atas nasihat Kerajaan Negeri, dengan dipengerusikan oleh Datuk Yeo Yang Poh, serta dianggotai Datuk Dr. Ir. Gue See Sew dan Datuk Prof. Ir. Roslan Hashim.

Dokumen rasmi dan cakera padat Laporan Suruhanjaya Siasatan Mengenai Kegagalan Dua Struktur Awam Di Negeri Pulau Pinang boleh diperoleh daripada Mohd. Nizam Che Mat di Unit Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Aras 3, Komtar atau hubungi talian 04 – 650 5266, dengan harga RM200 senaskah.

# KN serah memorandum jerebu kepada Konsulat Indonesia

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**

**PULAU TIKUS –** Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 21 Oktober lalu memutuskan supaya satu memorandum diserahkan kepada Konsulat Jenderal Indonesia di sini berhubung gejala jerebu yang melanda negara khususnya negeri Pulau Pinang.

Pada majlis penyerahan, Kerajaan Negeri diwakili Exco Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh dan Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey dan ADUN Kebun Bunga, Cheah Kah Peng.

Memorandum tersebut diterima Pegawai Perhubungan Korporat Konsulat Jenderal Indonesia di Pulau Pinang, Sofiana Mufidah.

Afif berkata, Kerajaan Negeri sentiasa menghargai hubungan baik antara kedua-dua negara khususnya Pulau Pinang dan ia (hubungan) tidak seharusnya dicemari dengan permasalahan seperti jerebu.

"Kami menghormati hak dan kedaulatan Indonesia, namun, kami (Kerajaan Negeri) menggesa Kerajaan Indonesia supaya menjunjung prinsip ke-21 sebagaimana termaktub dalam pengisytiharan Stockholm yang mana perlu memastikan aktiviti yang berlaku di dalam sempadan dan kawalan negara masing-masing adalah tidak mengakibatkan kerosakan kepada alam sekitar sesebuah negara lain atau melangkaui sempadan.

"Atas sebab ini, Kerajaan Negeri mendesak Presiden Indonesia, Joko Widodo dan pemerintah Republik Indonesia supaya mengambil tindakan tegas dan proaktif berhubung isu jerebu.

"Satu penyelesaian jangka panjang mesti diperkenalkan dalam menangani amalan pembakaran hutan untuk tujuan pertanian pada setiap tahun," katanya ketika membacakan memorandum yang diserahkan di sini baru-baru ini.



PHEE Boon Poh (tiga dari kiri) sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (tiga dari kanan) dan Danny Law Heng Kiang (dua dari kanan) menyerahkan memorandum berhubung gejala jerebu kepada Sofiana Mufidah (dua dari kiri) di Konsulat Jenderal Indonesia di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Sofiana menyatakan bahawa beliau bagi pihak kerajaannya amat menghargai bantuan yang dihulurkan negara-negara serantau dalam membantu memadamkan kebakaran berkaitan.

"Setiap hari, pemerintah Indonesia berusaha keras memadamkan kebakaran bersama-sama bantuan negara-negara jiran.

"Kami (Kerajaan Republik Indonesia) juga berjanji tindakan tegas akan dikenakan terhadap pesalah-pesalah yang didapati mengakibatkan kebakaran hutan di Indonesia secara besar-besaran hingga memberi kesan kepada negara-negara lain," ujar beliau.

# Saya 'sokong' KM, Pakatan Harapan – Salleh Man

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN WEI**



**MOHD. Salleh Man (tiga dari kanan) berjabat tangan dengan Ketua Menteri selepas majlis sidang media yang turut dihadiri barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.**

**GEORGE TOWN –** Dato' Mohd. Salleh Man berkata beliau akan terus menyokong kepemimpinan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang, kerana kemenangannya pada Pilihan Raya Umum Ke-13, 5 Mei 2013 lalu adalah atas semangat Pakatan Rakyat.

Ketegasan Mohd. Salleh itu sekaligus menolak laporan berita akhbar bahasa Inggeris, *New Straits Times* (NST) pada 31 Oktober lepas yang bertajuk, *'Penang PAS rep 'won't support state govt'*.

"Saya tidak pernah ditemuramah oleh mana-mana wartawan dari NST...apa yang dilaporkan oleh akhbar tersebut adalah fitnah liar semata-mata.

"Saya akan terus menyokong Y.A.B. Lim Guan Eng sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang Pakatan Harapan dan akan membela beliau dan Kerajaan Negeri sebagai Ahli Kerajaan Negeri Pulau Pinang," katanya pada sidang media bersama-sama Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Dato' Abdul Malik Abul Kassim (Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna) dan Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Air Itam merangkap Setiausaha Politik Kepada Ketua Menteri) turut sertai sidang media tersebut.

Justeru, Mohd. Salleh mendesak NST supaya menarik balik laporan berita tersebut dengan kadar segera.

Guan Eng dalam reaksi spontan selepas itu menjelaskan kedudukan Mohd. Salleh yang masih memilih untuk kekal bersama-sama Pas, di sisi Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang.

"Beliau adalah rakan secara pentadbiran (di bawah) Pakatan Harapan dan beliau turut mempertahankan Pakatan Harapan dan juga diri saya sendiri.

"Beliau sebahagian daripada Kerajaan dan kehadirannya pada hari ini adalah bukti," ujar Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan.

Mohd. Salleh merupakan ADUN Permatang Pasir dan masih dalam lantikan sebagai Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), sungguhpun Pas telahpun memutuskan hubungan politik dengan DAP dan Guan Eng sendiri.

# Exco gesa Pusat segerakan mesyuarat bincang status 118 TP1M

Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri berharap mesyuarat penyelarasan pelaksanaan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dengan Timbalan Menteri, Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Halimah Mohamed Sadique dapat diadakan sesegera mungkin.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo, mesyuarat itu sepatutnya pada 22 Oktober ini, namun dibatalkan melalui panggilan telefon sehari sebelum itu.

"Saya akan berbesar hati sekiranya satu tarikh baru dapat ditetapkan agar objektif-objektif yang disebut di dalam surat pihak YB Datuk (Halimah) bertarikh 19 Oktober 2015 tersebut dapat dibincang dan satu kata sepakat yang memanfaatkan semua pihak dapat dicapai," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jagdeep memberitahu, Halimah antara lain mahu mengenal pasti isu-isu pelaksanaan serta cadangan penambahbaikan bagi program TP1M dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP), iaitu projek sebelum TP1M diperkenalkan.

Objektif kedua, katanya, timbalan menteri berkaitan mahu pelan tindakan lebih komprehensif dan terancang bagi melancarkan urusan pelaksanaan TP1M dan PPP.

"Objektif ketiga dan paling penting adalah mewujudkan kerjasama strategik yang lebih erat di antara KPKT dan Kerajaan Negeri.

"Saya menganggap melalui surat ini (bertarikh 10 Oktober 2015), bahawa TP1M akan diteruskan, namun, saya akan mendapatkan pengesahannya di dalam mesyuarat (akan datang) tersebut," jelas beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Terdahulu, Jagdeep mendesak Kerajaan Pusat menjelaskan status baki 118 permohonan berwajib kerana TP1M tiada lagi diumum oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak semasa perbentangan Rancangan Malaysia Ke-11 (RKM-11) pada 21 Mei lalu.

Daripada keseluruhan 144 permohonan, hanya 26 TP1M diluluskan untuk rakyat Pulau Pinang.

Jagdeep memberitahu, 118 permohonan TP1M itu dianggarkan bernilai RM28 juta.

Kelewatan Kerajaan Pusat meluluskan 118 lagi permohonan TP1M, mengakibatkan Kerajaan Negeri melalui Program Bantuan Perumahan Rakyat Pulau Pinang (HAPPY!) tidak boleh mengeluarkan baki peruntukan penyelenggaraan satu-satu projek berjumlah 10 hingga 30 peratus, yang sepatutnya ditanggung oleh persatuan penduduk (JMB).




**JAGDEEP Singh Deo menunjukkan beberapa keratan akhbar berkaitan pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

## KAJI SELIDIK MENGENAI KEBERKESANAN DASAR KAPIT RODA/TUNDA KENDERAAN DI PULAU PINANG




**SUKACITA** dimaklumkan bahawa Bahagian Kerajaan Tempatan, PSUKPP sedang melaksanakan Kaji Selidik Keberkesanan Dasar Kapit Roda / Tunda Kenderaan di Pulau Pinang. Kaji selidik ini diadakan bagi mendapatkan reaksi serta maklum balas daripada seluruh rakyat Pulau Pinang berkaitan dasar yang telah dilaksanakan selama ini.

Sebagai makluman, kaji selidik ini terbuka kepada seluruh rakyat Pulau Pinang bermula sekarang sehingga 18 Disember 2015.

Sehubungan dengan itu, semua adalah dijemput untuk menyertai kaji selidik ini melalui *https://www.surveymonkey.com/r/kapitroda* atau terus ke Portal Kerajaan Negeri.

# Tradisi sumbangan ceriakan Deepavali 500 keluarga

**AMAL...** Sebanyak 500 keluarga dalam kawasan Parlimen Bagan menerima sumbangan barangan makanan asas sempena sambutan Hari Deepavali yang menjelang tiba.

Sumbangan tahunan tersebut merupakan anjuran kali ke-36 oleh Jawatankuasa Perkhidmatan Datuk Seri R. Arunasalam dengan kerjasama Pejabat Kebajikan Masyarakat Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU).

Ketua Menteri yang juga Ahli Parlimen Bagan, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya menyatakan bahawa beliau menghargai inisiatif berkaitan terutamanya dalam 'menjaga' kebajikan golongan-golongan memerlukan.

Turut sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan A. Tanasekharan (Ahli Dewan Undangan Negeri, ADUN Bagan Dalam).



**KETUA Menteri dan wakil keluarga R. Arunasalam menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima pada Majlis Sumbangan Deepavali Parlimen Bagan di sini baru-baru ini.**







# ADUN harap umum peka keperluan pemegang 'tongkat putih'

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PULAU TIKUS –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berharap Hari Tongkat Putih (HTP) yang disambut pada bulan Oktober setiap tahun dapat memberi kesedaran kepada umum mengenai keperluan dan hak golongan cacat penglihatan.

Ujarnya, saban tahun, HTP disambut meriah di seluruh pelosok dunia dalam usaha memberi pendedahan kepada orang ramai agar lebih prihatin dan peka terhadap pemegang 'tongkat putih' berkaitan.

"Umum mengetahui bahawa wujudnya golongan orang kurang upaya (OKU) termasuk mereka yang cacat penglihatan, namun ramai yang tidak sedar akan keperluan, hak dan kebebasan golongan ini.

"Misalnya, di laluan pejalan kaki, masih ramai dalam kalangan kita yang sesuka hati meletakkan kenderaan di laluan tersebut sehingga wujudnya halangan yang menyukarkan golongan ini untuk bergerak.

"Begitu juga ketika di lampu isyarat, masih ramai yang memberhentikan kenderaan di atas laluan yang dikhaskan untuk pejalan kaki melintas. Semua ini perlu diubah," ucapnya pada Majlis Perasmian HTP dan World Sight Day 2015 di St. Nicholas Home di sini baru-baru ini.



**YAP Soo Huey (kiri sekali) beramah-mesra dengan sebahagian peserta 'istimewa' pada penganjuran HTP dan World Sight Day 2015 di St. Nicholas Home di sini baru-baru ini.**



**PARA peserta sambil dipimpin sekumpulan sukarelawan menyertai acara berjalan sejauh 3.9 kilometer bersempena penganjuran berkaitan.**

Hadir sama, Pengarah Urusan St. Nicholas Home, Daniel Soon; Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye dan ketua sukarelawan dari Universiti Sains Malaysia (USM), Dr. Lee Lay Wah.

Pengurus Besar L'Occitane Malaysia, Tan Seong Teck dan wakil Persatuan Buddha Malaysia (MBA), Shi Siang Fa selaku penaja turut sama memeriahkan sambutan HTP 2015 tersebut.

Mengulas lanjut, Soo Huey memberitahu bahawa Kerajaan Negeri kini giat melaksanakan pelbagai pembaharuan dan perubahan termasuk menyediakan laluan khusus untuk orang-orang berkeperluan khas.

"Selain itu, Kerajaan Negeri juga mengarahkan agar pihak pemaju sama ada dalam sektor hartanah mahupun perniagaan untuk mematuhi Piawaian Malaysia, MS1184;1990, MS1183;1991 dan MS1331;1993 (kod standard bagi OKU dalam pembangunan awam) dalam membangunkan projek masing-masing.

"Umum perlu menyedari bahawa orang-orang berkeperluan khas ini memerlukan aksesibiliti bagi mengurangkan kebergantungan mereka sekaligus mendidik golongan ini untuk lebih berani dan berdikari," jelas beliau.

Seramai 200 individu mengambil bahagian dalam penganjuran tersebut.

Tongkat putih merupakan alat bantuan mobiliti bagi orang-orang berkeperluan khas penglihatan untuk bergerak dan menerokai persekitaran mereka.



**MOHD. Rashid Hasnon (kanan sekali) berjabat tangan dengan salah seorang tetamu kehormat ketika tiba bagi menyempurnakan Majlis Perasmian ICF di sini baru-baru ini.**

# ICF erat hubungan P. Pinang, Indonesia

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**BATU UBAN –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berharap penganjuran Festival Kebudayaan Indonesia (ICF) di sini baru-baru ini dapat mempereratkan hubungan dua hala antara Malaysia dan Indonesia khususnya dengan negeri Pulau Pinang.

Katanya, bidang pendidikan dan pelancongan menjadi teras utama dalam mengukuhkan hubungan dua hala antara dua pihak terutamanya dengan negeri ini.

"Contohnya, di Universiti Sains Malaysia (USM) sahaja, terdapat lebih daripada 200 pelajar adalah berasal dari Indonesia.

"Di samping itu, turut menjadi komitmen dua pihak adalah pembangunan bidang keusahawanan dan pelancongan," katanya pada Majlis Pelancaran ICF di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang, Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Herma Prayitno, Konsulat Jenderal Indonesia ke Pulau Pinang, Taufiq Rodhy, Konsulat Jenderal Jepun ke Pulau Pinang, Ryoji Noda dan Pro Canselor USM, Tan Sri Datuk Mustafa Mansur.

Penganjuran ICF mempamerkan ciri-ciri kebudayaan Indonesia seperti batik, muzik, kraftangan, makanan dan lain-lain yang juga sinonim dengan masyarakat setempat di Malaysia.

Malah, para hadirin turut dihiburkan dengan tarian kebudayaan pelbagai etnik dari Indonesia, nyanyian serta permainan alat muzik angklong dan gerai-gerai jualan.

Sambutan anjuran Persatuan Pelajar dan Masyarakat Indonesia USM tersebut diteruskan dengan persembahan artis terkenal Indonesia, Cakra Khan yang terkenal dengan lagu 'Harus Terpisah' pada sebelah malam.




**ANTARA persembahan kebudayaan yang dipersembahkan.**

# Pertandingan Fotografi Autobots umum pemenang

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** P'ng Kim Chung dinobatkan johan Pertandingan Fotografi Autobots yang dianjurkan bersempena Pameran Ruang Luar Transformers Pertama di Asia Tenggara yang berlangsung pada 3 Ogos hingga 30 September lalu di sini.

Kejuaraan tersebut membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM700.

Penolong Pengurus Kanan Komunikasi Penang Global Tourism (PGT), D'Yani Ramoo berkata, gelaran naib johan dirangkul oleh Sim Loon dengan hadiah bernilai RM500.

"Lima pemenang saguhati ialah Ong Chin Keat, Tham Weng San, Ummi Kalsom Shamsuddin, Lim Chen Li dan Sri Helena Haris yang masing-masing membawa pulang RM200.

"Sebagai tambahan, setiap pemenang turut menerima cenderamata istimewa dari penganjur bersama, Hasbro Toy (Malaysia) Sdn. Bhd. dan i2 Promotions Sdn. Bhd.," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Autobots di sini baru-baru ini.



**OOI Chok Yan (kiri sekali) dan Ricky Ong (kanan sekali) bergambar kenangan dengan para pemenang Pertandingan Fotografi Autobots pada majlis penyampaian hadiahnya di sini baru-baru ini.**

Menyempurnakan majlis tersebut ialah Ketua Pegawai Eksekutif PGT, Ooi Chok Yan dan Ricky Ong (Pengarah Urusan i2 Promotions Sdn. Bhd.).

Secara keseluruhan, pihak penganjur menerima 270 penyertaan dan pemenang dipilih berdasarkan undian paling banyak *'like'* di laman media sosial, *Facebook*. Johan menerima keseluruhan 9,700 undian.

Syarat pertandingan adalah setiap peserta perlu merakam gambar dengan cara paling kreatif bersama-sama watak *Transformers* yang dipamerkan iaitu *Optimus Prime* dan *Bumblebee* atau lukisan mural di kawasan sekitar pameran.

Pameran Ruang Luar Transformers Pertama di Asia Tenggara telah diadakan bermula 10 Julai hingga 17 September lalu sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri dan juga bagi mempromosi kempen Tahun Melawat Pulau Pinang dan Tahun Melawat Malaysia 2015.

# Nasib ibu tunggal, warga emas dapat perhatian ADUN

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**SERI DELIMA** – Terima kasih kepada ADUN (Ahli Dewan Undangan Negeri) yang tampil memberi sumbangan dan prihatin dengan nasib kami sekeluarga.

Demikian luahan seorang ibu tunggal yang juga orang kurang upaya (OKU), Norhafizah Abd. Rahman, 34, ketika menerima lawatan ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer di kediamannya dekat Taman Tun Sardon di sini baru-baru ini.

Beliau yang menetap bersama-sama ibunya, Zaharah Puteh, 80, dan dua anak perempuan yang masing-masing berusia dua tahun dan enam bulan menyatakan bahawa kehidupan mereka sekeluarga kini hanya bergantung kepada sumbangan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) berjumlah RM350 sebulan setelah beliau 'ditinggalkan' suaminya setahun lalu.

"Saya amat hargai sumbangan YB (ADUN) ini, terutamanya barangan keperluan harian anak-anak. Alhamdulillah dan terima kasih atas pemberian ini.

"Sejak bergelar ibu tunggal, keadaan tangan kanan saya yang lemah dan tidak mampu mengangkat benda-benda berat menyukarkan saya untuk keluar bekerja.

"Tambahan pula, anak-anak kecil yang memerlukan jagaan. Untuk uruskan anak hari-hari pun, saya perlukan bantuan emak," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara sejurus menerima sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.


**R.S.N. Rayer (kiri sekali) dan Ramkarpal Singh (tiga dari kiri) beramah-mesra dengan keluarga Norhafizah Abd. Rahman (duduk, kanan sekali) ketika hadir menyampaikan sumbangan di kediamannya di sini baru-baru ini.**

Hadir sama, Ahli Parlimen Bukit Gelugor, Ramkarpal Singh dan Penghulu Daerah Timur Laut, Nasrizal Nasib.

Menurut Rayer, antara barangan yang disumbangkan adalah produk keperluan asas harian, susu dan lampin pakai buang untuk anak-anak beliau.

"Sumbangan barangan-barangan ini akan diteruskan pada setiap bulan menggunakan peruntukan saya dan YB Ram (Ramkarpal).

"Malah, pada masa sama, saya akan membantu Norhafizah sekeluarga membuat permohonan bantuan Zakat Pulau Pinang (ZPP)," jelas beliau.

# Keluarga Che Piah bakal peroleh jagaan lebih sempurna

Gambar : **J. PATMAVATHY**

**BAYAN BARU** – Impian seorang warga emas, Che Piah Aziz, 73, serta dua anaknya, Mustafa Darus, 54, dan Juliana Darus, 34, untuk memperoleh semula dokumen pengenalan diri mereka yang sebelum ini hilang dipercayai dicuri tercapai atas inisiatif yang diambil oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan.

Ketika hadir di kediaman Che Piah untuk menyerahkan dokumen berkaitan, Jayabalan menyatakan bahawa beliau akan membantu Che Piah dan dua anaknya yang merupakan golongan kurang upaya (OKU) memperoleh jagaan yang lebih sempurna di pusat-pusat jagaan khas.

"Sebelum ini, hasrat untuk menempatkan Che Piah dan anak-anaknya 'tergendala' disebabkan mereka tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

"Justeru, atas usaha JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti) Lip Sin, akhirnya kami dapat memohon kad pengenalan baru untuk mereka," katanya ketika hadir di kediaman Che Piah di Kampung Selamat, Sungai Dua di sini baru-baru ini.


**MENJALANKAN pemeriksaan kesihatan terhadap Mustafa Darus.**


**DR. T. Jayabalan (kiri sekali) menyerahkan dokumen pengenalan diri kepada Che Piah Aziz (duduk) di kediamannya di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Pengarah JKM Pulau Pinang, Said Sidup.

Jayabalan yang juga seorang doktor perubatan turut menjalankan pemeriksaan kesihatan percuma terhadap Mustafa yang dipercayai lumpuh akibat demam panas sejak kecil.

Turut diserahkan adalah kad bantuan OKU kepada Mustafa dan Juliana.

Dalam pada itu, Said memberitahu, pihaknya akan cuba mempercepatkan proses untuk menempatkan keluarga Che Piah di tiga pusat jagaan berasingan berasaskan faktor-faktor keperluan kesihatan masing-masing.

"Che Piah akan ditempatkan di *Jubilee Home* (Pulau Pinang) bagi memudahkannya menjalani rawatan dialisis tiga kali dalam tempoh seminggu.

"Anak lelakinya (Mustafa) akan ditempatkan di Rumah Ehsan, manakala, anak perempuannya (Juliana) akan dihantar ke Taman Sinar Harapan yang masing-masing terletak di Kuala Kubu Bharu, Selangor," jelas beliau.


**TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG**

**Mulai 1 Oktober 2015 hingga 31 Disember 2015**

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat
Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon
04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks
04-2613453
Email
farahhanim@penang.gov.my
rizalazli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my

# Apakah nasib Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia?

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
**Ahli Parlimen Bukit Bendera merangkap Pengarah Eksekutif Penang Institute**

Serambi PENANG INSTITUTE making ideas work

**PADA** bulan September 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, dokumen yang diuar-uarkan oleh Menteri Pendidikan ketika itu Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai manifestasi "yang paling komprehensif dan transformasi kerajaan paling besar dalam mendapatkan pulangan terbaik modal insan bagi memacu semua aspirasi pembangunan negara."

Antara sebab Pelan Pembangunan ini dihasilkan adalah sebagai tindak balas kepada kemerosotan standard murid Malaysia berbanding dengan rakan-rakan mereka dalam penilaian antarabangsa seperti PISA (Programme for International Student Assessment) dan TIMSS *(Trends in International Mathematics and Science Study)*.

Pada tahun 2012, penilaian PISA, yang merupakan kajian tiga tahun sekali yang dijalankan oleh OECD *(Organisation for Economic Cooperation and Development)* pada kanak-kanak berusia 15 tahun dalam bidang Bacaan, Matematik dan Sains, Malaysia berada pada kedudukan ke-52 daripada 65 negara yang mengambil bahagian. Dalam ketiga-tiga bidang pengajian, murid Malaysia berada pada kedudukan jauh di bawah purata, bahkan tewas kepada negara jiran seperti Singapura, Thailand dan juga Vietnam. Malah, keputusan Malaysia memperlihatkan kemerosotan dari penilaian PISA sebelumnya pada tahun 2009.

Corak merosot ini dicerminkan dalam penilaian TIMSS yang dilakukan empat tahun sekali, yang menyaksikan Malaysia mengalami kemerosotan terbesar dalam kalangan 59 negara yang dikaji sejak tahun 1999. Walaupun murid Malaysia berjaya memperolehi kedudukan ke-16 dalam mata pelajaran Matematik dan ke-22 bagi Sains pada tahun 1999, prestasi mereka menurun kepada tangga ke-26 dalam mata pelajaran Matematik dan ke-32 bagi Sains pada tahun 2011.

Lebih membimbangkan, 38 peratus murid Malaysia gagal mencapai penanda aras antarabangsa yang minimum dalam Matematik dan Sains pada tahun 2011, berbanding 20 peratus pada tahun 2007 dan kira-kira lima hingga tujuh peratus pada tahun 2003. Pada masa yang sama, hanya dua peratus berjaya mencapai penanda aras antarabangsa tertinggi pada tahun 2011, iaitu penurunan besar daripada 10 peratus pada tahun 1999. Sementara itu, tidak seperti Malaysia, negara-negara Asia yang lain seperti Taiwan, Singapura, Korea Selatan dan Hong Kong semuanya menunjukkan peningkatan sejak 1999.

Oleh itu, Pelan Pembangunan telah mengenal pasti bahawa meskipun murid kita "cemerlang dalam memuntahkan semula kandungan mata pelajaran," mereka tidak berdaya saing dalam penilaian seperti PISA dan TIMSS kerana mereka "tidak mampu menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi." Menyedari keperluan untuk mengasah kemahiran yang akan membolehkan murid kita "untuk membuat penaakulan, mengekstrapolasi, dan mengaplikasi pengetahuan secara kreatif," maka Pelan Pembangunan menggariskan 11 anjakan yang akan mengubah sistem semasa yang berorientasikan peperiksaan kepada sistem "yang kurang tertumpu kepada meramal soalan dan topik yang akan keluar dan penghafalan bulat-bulat," dan sebaliknya melatih murid "untuk berfikir secara kritis dan mengaplikasi pengetahuan mereka dalam persekitaran yang berbeza."

Oleh itu, dengan matlamat untuk mencapai kedudukan dalam satu pertiga teratas di peringkat global dalam penilaian antarabangsa seperti PISA dan TIMSS pada tahun 2025, banyak pembaharuan pendidikan telah dilaksanakan. Di peringkat sekolah rendah, kurikulum KBSR (Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah) telah digantikan dengan KSSR (Kurikulum Standard Sekolah Rendah) yang bertujuan meluaskan tumpuan kepada pembangunan 3M (membaca, menulis dan mengira) kepada 4M dengan penambahan unsur keempat, Menaakul.

Selain itu, Pelan Pembangunan juga mengakui bahawa peperiksaan sumatif seperti UPSR, PMR dan SPM "pada masa ini tidak menguji rangkaian penuh kemahiran yang dihasratkan oleh sistem pendidikan."[4] Justeru, dalam usaha untuk mengalih tumpuan daripada pembelajaran hafalan terhadap kemahiran berfikir aras tinggi, pentaksiran berasaskan sekolah akan diperkenalkan dan dimasukkan ke dalam peperiksaan UPSR dan SPM, manakala PMR akan dimansuhkan. Malah, Pelan Pembangunan menyatakan dengan jelas bahawa menjelang 2016, "sekurang-kurangnya 40 peratus daripada soalan peperiksaan UPSR dan 50 peratus dalam SPM akan terdiri daripada soalan pemikiran aras tinggi."



ZAIRIL Khir Johari (dua dari kiri) ketika mengadakan lawatan ke Tunisian General Labour Union, iaitu salah sebuah daripada empat badan yang diiktiraf dengan Anugerah Nobel Perdamaian 2015.

Sejajar dengan halatuju baru ini, satu pekeliling bertarikh 22 Februari 2011 telah dikeluarkan oleh Kementerian bagi memaklumkan bahawa format peperiksaan UPSR akan berubah dari 100 peratus berasaskan peperiksaan pusat bertulis kepada hanya 60 peratus, manakala baki 40 peratus diperolehi daripada pentaksiran berasaskan sekolah. Seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan, format baru ini dijadualkan bermula pada tahun 2016.

Maka, semenjak tahun 2011, lima tahun telah dihabiskan bagi menyediakan ratusan ribu guru dan murid untuk kaedah penilaian baru ini. Malah, pelabagai cabaran telah ditempuhi semasa pelaksanaan awal. Berikutan bantahan oleh guru-guru yang kecewa dengan proses yang rumit dan tidak cekap, sistem pentaksiran berasaskan sekolah yang kontroversi ini kemudiannya dirombak dan dipermudahkan.

Malangnya, setelah hanya dua tahun pelaksanaan Pelan Pembangunan, beberapa dasar-dasar pembaharuan kini sedang diterbalikkan. Pada 9 Oktober 2015, satu pekeliling telah dikeluarkan membatalkan keputusan 2011 itu. Ini bermakna perubahan yang sepatutnya menggabungkan 40 peratus pentaksiran berasaskan sekolah dalam peperiksaan UPSR pada tahun depan telah dibatalkan, dan UPSR akan terus menjadi 100 peratus peperiksaan pusat bertulis.

Keputusan flip-flop oleh KPM ini telah mensia-siakan semua masa dan sumber yang dilaburkan bagi menyiap sediakan pelbagai pihak untuk menghadapi format UPSR baru, apatah lagi usaha dalam membangun, melaksana dan kemudian merombak semula sistem pentaksiran berasaskan sekolah.

Selain meresapkan pentaksiran berasaskan sekolah dalam UPSR dan SPM, Pelan Pembangunan juga menyatakan bahawa penilaian secara amali bagi mata pelajaran sains akan diperkenalkan semula mulai tahun 2015. Walau bagaimanapun, dasar ini juga tidak menjadi berikutan pengumuman awal tahun ini bahawa peperiksaan amali untuk Fizik, Kimia, Biologi dan Sains Tambahan, yang dijadualkan berlangsung dalam SPM tahun ini, akan ditangguhkan.

Satu lagi masalah asas yang dikenal pasti oleh Pelan Pembangunan adalah kelemahan dalam penguasaan bahasa Inggeris, faktor yang dikenal pasti sebagai "lima isu utama yang dihadapi oleh majikan di Malaysia." Tambahan pula, hanya "28 peratus daripada murid mendapat kredit minimum dalam kertas Bahasa Inggeris SPM 2011 berdasarkan standard Cambridge 1119."

Oleh itu, antara banyak langkah yang disyorkan oleh Pelan Pembangunan untuk menangani kelemahan tersebut adalah dengan menjadikan bahasa Inggeris sebagai subjek wajib lulus pada peringkat SPM bermula tahun 2016.[8] Dasar ini juga kini telah ditangguhkan, dan ini mengecewakan ramai ibu bapa dan aktivis pendidikan yang telah lama menuntut komitmen sebegini untuk memperteguhkan kepentingan meningkatkan taraf penguasaan bahasa Inggeris yang kian merosot.

Kesemua keputusan flip-flop ini bukan sahaja membazirkan bertahun-tahun masa dan usaha untuk melatih dan menyiap sediakan guru-guru, ibu bapa dan murid-murid, ia juga menimbulkan tanda tanya mengenai kerelevanan pelan transformasi pendidikan 12 tahun yang dikenali sebagai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini. Apa gunanya Pelan Pembangunan ini sekarang, apabila langkah-langkah utamanya tidak dituruti?

Implikasi pusingan U dalam dasar pendidikan ini amat serius, kerana ia bukan sahaja mendedahkan kegagalan pihak Kementerian Pendidikan untuk melaksanakan pembaharuan yang disyorkan oleh Pelan Pembangunan, tetapi juga untuk menyiap sediakan murid dan guru dengan secukupnya untuk format penilaian baru. Jika objektif jangka pendek pun tidak dapat dipenuhi, maka ada sebab yang kukuh untuk mempercayai bahawa Pelan Pembangunan ini adalah tidak lebih daripada sekadar satu percubaan yang tidak realistik serta tidak ikhlas dalam usaha memperbaharui sistem pendidikan.



BERSAMA-sama kanak-kanak pelarian Syria yang kini menetap di Istanbul. Walaupun ramai yang kehilangan keluarga, namun hati mereka tetap cekal dan tabah.

| Nama ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| AIR PUTIH<br>YAB Tuan Lim Guan Eng<br>limguaneng@penang.gov.my | (T) 04 - 829 0614 |
| PANTAI JEREJAK<br>YB Haji Mohd. Rashid Hasnon<br>rashid.hasnon@penang.gov.my | (T) 04 - 646 4700 |
| PERAI<br>YB Prof. Dr. P. Ramasamy<br>ramasamy@penang.gov.my | (T) 04 - 399 6689 |
| PADANG KOTA<br>YB Chow Kon Yeow<br>chowkonyeow@penang.gov.my | (T) 04 - 226 0218<br>(F) 04 - 226 0218 |
| BATU MAUNG<br>YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim<br>abdmalik@penang.gov.my | (T) 04 - 626 1968<br>(F) 04 - 626 5496 |
| BAGAN JERMAL<br>YB Lim Hock Seng<br>limhockseng@penang.gov.my | (T) 04 - 331 7175<br>(F) 04 - 331 7175 |
| BATU LANCHANG<br>YB Law Heng Kiang<br>lawhengkiang@penang.gov.my | (T) 04 - 282 6419<br>(F) 04 - 282 6419 |
| SUNGAI PUYU<br>YB Phee Boon Poh<br>pheeboonpoh@penang.gov.my;<br>pheeboonpoh@yahoo.com | (T) 04 - 262 0860<br>012 - 480 5495<br>(F) 04 - 261 8745 |
| PADANG LALANG<br>YB Chong Eng<br>chong.eng@penang.gov.my | (T) 04 - 530 3028 |
| DATO' KERAMAT<br>YB Jagdeep Singh DEO<br>jagdeepsinghdeo@penang.gov.my | (T) 04 - 226 2464<br>(F) 04 - 227 2464 |
| SEBERANG JAYA<br>YB Dr. Afif Bahardin | (T) 04 - 390 5109 |
| BUKIT TAMBUN<br>YB Law Choo Kiang<br>lawchookiang@penang.gov.my | (T) 04 - 588 0818<br>(F) 04 - 588 0885 |
| AIR ITAM<br>YB Wong Hon Wai<br>wonghonwai@penang.gov.my | (T) 04 - 828 0926<br>(F) 04 - 828 0926 |
| BERAPIT<br>YB Ong Kok Fooi<br>ongkokfooi@penang.gov.my | (T) 04 - 530 8476 |
| MACHANG BUBOK<br>YB Lee Khai Loon<br>kllee78@gmail.com | (T) 013 - 399 0519<br>(F) 04 - 551 1442 |
| TANJONG BUNGAH<br>YB Teh Yee Cheu<br>dappenang.cagw.teh@gmail.com | (T) 04 - 899 9581 |
| JAWI<br>YB Soon Lip Chee<br>dunjawi@hotmail.com | (T) 04 - 594 1163<br>(F) 04 - 594 3163 |
| PENGKALAN KOTA<br>YB Lau Keng Ee<br>dappengkalankota@gmail.com | (T) 04 - 250 1521<br>04 - 250 1522<br>(F) 04 - 250 1523 |
| BAGAN DALAM<br>YB Tanasekharan a/l Autheraphy<br>atana@first.net.my | (T) 04 - 323 5870<br>(F) 04 - 323 5870 |
| KEBUN BUNGA<br>YB Cheah Kah Peng<br>kebunbunga24@gmail.com | (T) 04 - 826 5451<br>(F) 04 - 826 5451 |
| SUNGAI BAKAP<br>YB Hj. Maktar Hj. Shapee<br>adunan.dunsgbakap@yahoo.com | (T) 04 - 582 7549<br>(F) 04 - 582 8648 |
| KOMTAR<br>YB Teh Lai Heng<br>komtarN28@gmail.com | (T) 04 - 227 7068<br>(F) 04 - 227 7068 |
| PAYA TERUBONG<br>YB Yeoh Soo Hin<br>clementyeoh@hotmail.com | (T) 04 - 827 8868 |
| PULAU TIKUS<br>YB Yap Soo Huey<br>yapsoohueydap@gmail.com | (T) 04 - 226 5217<br>(F) 04 - 227 5217 |
| PERMATANG PASIR<br>YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man<br>adunptgpasir@gmail.com | (T) 04 - 398 4226<br>(F) 04 - 398 4226 |
| BUKIT TENGAH<br>YB Ong Chin Wen<br>pkrbktengah@gmail.com | (T) 04 - 508 3977<br>(F) 04 - 508 3677 |
| PENANTI<br>YB Dr. Norlela Ariffin<br>norlela.ariffin@gmail.com | (T) 04 - 538 2871<br>(F) 04 - 538 4871 |
| SUNGAI PINANG<br>YB Lim Siew Khim<br>dapsungaipinang@hotmail.com | (T) 04 - 282 6630 |
| BATU UBAN<br>YB Dr. T. Jayabalan<br>drjayabalan@gmail.com | (T) 04 - 656 2605<br>(F) 04 - 656 0699 |
| SERI DELIMA<br>YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji<br>rsnrayer@gmail.com | (T) 04 - 659 5611<br>(F) 04 - 659 6611 |
| DAP PENANG HQ<br>dappg@streamyx.com | (T) 04 - 228 8482<br>(F) 04 - 228 8514 |
| PKR PENANG HQ | (T) 04 - 397 0115 |

| NAMA ADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>YB Mohd. Zain Ahmad | (T) 04 - 351 5825 |
| BERTAM<br>YB Shariful Azhar Othman | (T) 012 - 411 4690<br>(F) 04 - 575 8670 |
| PINANG TUNGGAL<br>YB Datuk Haji Roslan Saidin | (T) 04 - 398 3555<br>(F) 04 - 397 3555 |
| PERMATANG BERANGAN<br>YB Omar Abd. Hamid | (T) 04-573 4630<br>(F) 04-573 4630 |
| SUNGAI DUA<br>YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor | (T) 04 - 575 7454 |
| TELOK AIR TAWAR<br>YB Datuk Jahara Hamid<br>jahara.hamid@gmail.com | (T) 04 - 351 2873<br>(F) 04 - 351 4389 |
| SUNGAI ACHEH<br>YB Datuk Mahmud Zakaria<br>datomahmud@umpangroup.com.my | (T) 04 - 593 3100<br>(F) 04 - 593 9529 |
| BAYAN LEPAS<br>YB Nordin Ahmad | Sedang dikemaskini |
| PULAU BETONG<br>YB Muhamad Farid Saad | (T) 04 - 866 4202<br>(F) 04 - 866 4202 |
| TELUK BAHANG<br>YB Shah Haedan Ayoob | (T) 04 - 866 1760<br>(F) 04 - 866 1821 |

| PEGAWAI PENYELARAS KADUN | No Tel/ No Faks |
|---|---|
| PENAGA<br>- | - |
| BERTAM<br>Asrol Sani Abdul Razak<br>asrolsani2006@gmail.com | 013-580 6981<br>012-466 9681 |
| PINANG TUNGGAL<br>Muhasdey Muhamad<br>hadiputra78@yahoo.com | 019-437 2887<br>017-424 9371 |
| PERMATANG BERANGAN<br>- | - |
| SUNGAI DUA<br>- | - |
| TELOK AIR TAWAR<br>Norhayati Jaafar<br>yatie7119@yahoo.com.my | 019-433 7119<br>017-595 9891 |
| SUNGAI ACHEH<br>Azmi Samsudin<br>azmikeadilan@gmail.com | 012-594 1515<br>017-402 6973 |
| BAYAN LEPAS<br>- | - |
| PULAU BETONG<br>Hj. Mohd Tuah Ismail<br>tuahismail@yahoo.com | 019-570 9500<br>016-407 2135 |
| TELUK BAHANG<br>Halil Sabri Hamid<br>halilsabri.hsh@gmail.com | 017-460 4849<br>017-413 5695 |

## Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

| | |
|---|---|
| POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT | 999 |
| DIREKTORI TELEFON | 103 |
| OPERATOR ANTARABANGSA | 101 |
| HOTLINE MBPP | 04-263 7637<br>04-263 7000 |
| BIRO PENGADUAN AWAM | 04-263 6893 |
| SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI | 04-262 1957 |
| KASTAM | 04-262 2300 |
| IMIGRESEN | 04-250 3419 |
| WCC (*Women's Centre for Change*) | 04-228 0342 |
| Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang) | 04-398 8340 |
| EPF | 04-226 1000 |
| SOCSO | 04-238 9888 |
| JPJ | 04-656 4131<br>04-398 8809 |
| JABATAN PENDAFTARAN | 04-226 5161 |
| *PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)* | 04-263 1166 |
| *TOURISM MALAYSIA* | 04-261 0058 |
| KERETAPI BUKIT BENDERA | 04-828 8880 |
| FERI (GEORGETOWN) | 04-210 2363 |
| ( BUTTERWORTH) | 04-310 2377 |
| JAMBATAN PP | 04-398 7419 |
| STESEN KERETAPI BUTTERWORTH | 04-261 0290 |
| PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK | 04-829 4046 |
| CAP | 04-829 9511 |
| BEFRIENDERS PENANG | 04-281 5161<br>04-281 1108 |
| PERPUSTAKAAN PP | 04-229 8555 |

## PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/ PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS

| | | | |
|---|---|---|---|
| N1 | Penaga | : - | - - |
| N2 | Bertam | : 019 - 593 3736 | - Fatimah |
| N3 | Pinang Tunggal | : 017 - 424 9371 | - Tasrin |
| N4 | Permatang Berangan | : - | - - |
| N5 | Sungai Dua | : - | - - |
| N6 | Telok Air Tawar | : 017 - 595 9891 | - Norfatin |
| N7 | Sungai Puyu | : 012 - 480 5495 | - Mr.Lee |
| N8 | Bagan Jermal | : 013 - 449 0366 | - Yeap Choon Keong |
| N9 | Bagan Dalam | : 016 - 473 1963 | - Gesan |
| N10 | Seberang Jaya | : 04 - 390 5109 | - Nor Hayati Mohd. Iskander |
| N11 | Permatang Pasir | : 019 - 412 8442<br>013 - 595 6865 | - Kamal<br>- Rosli |
| N12 | Penanti | : 04 - 538 2871<br>04 - 538 3871 | - Tira |
| N13 | Berapit | : 016 - 401 3507<br>017 - 446 1817 | - Mr.Lim<br>- Yeoh Ee Yee |
| N14 | Machang Bubuk | : 012 - 474 0964<br>012 - 473 0964 | - Andrew Chin<br>- Ikhwan |
| N15 | Padang Lalang | : 017 - 552 8928<br>014 - 945 9786 | - Chan<br>- Lai |
| N16 | Perai | : 04 - 399 6689 | - Selvi |
| N17 | Bukit Tengah | : 013 - 518 8735 | - Lim Tuan Chun |
| N18 | Bukit Tambun | : 016 - 404 9120<br>017 - 378 4448 | - G.Dumany<br>- Khor |
| N19 | Jawi | : 017 - 408 4784<br>012 - 456 5018 | - Abdul Halim<br>- Mr. Khor |
| N20 | Sungai Bakap | : 019 - 552 8689<br>012 - 542 4454 | - Norjuliana<br>- Hasbullah |
| N21 | Sungai Acheh | : 0111-508 0215 | - Siti Hajar |
| N22 | Tanjong Bungah | : 012 - 465 0021<br>011 - 12441069 | - Tina<br>- Hezreen |
| N23 | Air Putih | : 04 - 829 0614 | - Hong Kian Beng |
| N24 | Kebun Bunga | : 012 - 493 3342 | - Cheng Kok Eong |
| N25 | Pulau Tikus | : 017 - 956 3237 | - Quah |
| N26 | Padang Kota | : 012 - 431 7015 | - Johnny Chee |
| N27 | Pengkalan Kota | : 012 - 401 1522 | - Ch'ng Chin Keat |
| N28 | KOMTAR | : 012 - 423 3227<br>010 - 811 7300 | - Benji Ang<br>- Razin |
| N29 | Datok Keramat | : 04 - 226 2464 | - Kalvinder |
| N30 | Sungai Pinang | : 04 - 282 6630 | - Shuen |
| N31 | Batu Lancang | : 04 - 282 6419 | - Karuna |
| N32 | Seri Delima | : 019 - 4474362<br>012 - 5242549 | Mahen<br>James |
| N33 | Air Itam | : 012 - 4730736<br>016 - 4940705 | - Anne<br>- Janet |
| N34 | Paya Terubong | : 012 - 484 1963<br>016 - 205 1185 | - Toon Hoon Lee<br>- Frankie Kee |
| N35 | Batu Uban | : 016 - 480 0232<br>016 - 487 8602<br>016 - 444 3550 | - Jalal<br>- Khairul<br>- Sathya |
| N36 | Pantai Jerejak | : 04 - 646 4700 | - Aliff / Shamsudin |
| N37 | Batu Maung | : 019 - 498 1096<br>016 - 428 6158 | - Amirulzaman<br>- Danny Ho |
| N38 | Bayan Lepas | : - | - - |
| N39 | Pulau Betong | : 016 - 407 2135 | - Zulkiflee |
| N40 | Telok Bahang | : 017- 413 5695 | - Johan Abu Bakar |

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MPSP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MPSP | 04 - 549 7555 |
| David Marshel a/l Pakianathan | 019 - 412 3397 |
| H'ng Mooi Lye | 012 - 425 2602 |
| Loh Joo Huat | 012 - 422 1133 |
| Mohamad Shaipol Ismail | 019 - 414 6079 |
| Satees A/l Muniandy | 016 - 438 4767 |
| Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani | 019 - 411 8343 |
| Tan Chee Teong | 012 - 401 7718 |
| Tan Cheong Heng | 012 - 487 3101 |
| Tan Chong Hee | 019 - 411 5598 |
| Tiagarajen A/L Annamalai | 010 - 387 9305 |
| Ong Eu Leong | 010 - 770 0508 |
| Ho Leng Hong | 017 - 487 2767 |
| Mohd. Rizal Abd. Hamid | 012 - 424 3878 |
| Rajasegar a/l Govindasamy | 019 - 411 7051 |
| Zulkifli Ibrahim | 018 - 576 1622 |
| Zaini Awang | 019 - 546 3115<br>019 - 493 6161 |
| Amir Md. Ghazali | 013 - 584 8386 |
| Mohd. Sharmizan Mohamad Nor | 011 - 1110 6456 |
| Dr. Tiun Ling Ta | 04 - 508 0039 (Tel)<br>04 - 657 0918 (Fax) |
| Ahmad Tarmizi Abdullah | 013 - 414 4822 |
| Wong Chee Keet | 012 - 451 1312 |
| Mustafa Kamal Ahmad | 019 - 556 9552 |

## SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

| Bil. | Nama | Daerah | Pejabat / Unit Kewarganegaraan | No. Telefon |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Chiam Heng Hak | Timur Laut | Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR. | 04 - 650 5556 |
| 2. | Abdul Rahim Mohamed Nor | Barat Daya | Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau. | 016 - 482 3549 |
| 3. | K. Krishnasamy | Seberang Perai Utara | Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas. | 012 - 488 1553 |
| 4. | P. Rachenamorty | Seberang Perai Tengah | - | 019 - 457 2271 |
| 5. | R. Gunalan | Seberang Perai Selatan | Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi. | 011 - 2666 6901 |

**Nota:**
**Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.**

## SENARAI NAMA AHLI MAJLIS MBPP 2015

| Nama | Telefon |
|---|---|
| MBPP | 04 - 259 2020 |
| Goh Choon Keong | 019 - 471 7931 |
| Gooi Seong Kin | 016 - 457 1271 |
| Harvindar a/l Darshan Singh | 012 - 428 2250 |
| Joseph Ng Soon Siang | 012 - 423 9143 |
| Sukumar a/l Subramaniam | 019 - 442 2113 |
| Lee Chun Kit | 012 - 519 2152 |
| Ong Ah Teong | 012- 410 6566 |
| Syerleena Abdul Rashid | 019- 225 6502 |
| Tan Hooi Peng | 012 - 498 6212 |
| Prof. Tan Kim Hooi | 016 - 438 7855 |
| Francis a/l Joseph | 012 - 474 3321 |
| Nur Zarina Zakaria | 011 - 1578 5098 |
| Lim Boon Beng | 012 - 564 4400 |
| Ahmad Azrizal Tahir | 012 - 498 4556 |
| Kumaresan a/l Arumugam | 014 - 945 9621 |
| Muhammad Bakhtiar Wan Chik | 019 - 470 8811 |
| Felix Ooi Keat Hin | 016-417 1331 |
| Tan Chiew Choon | 019 - 470 4499 |
| Dr. Lim Mah Hui | 012 - 422 1880 |
| Eric Lim Seng Keat | 016 - 414 3428 |
| Sha'ari Md. Salleh | 013 - 788 7786 |
| Mohamed Yusoff Mohamed Noor | 012 - 472 8114 |
| Mhd. Nasir Yahya | 012 - 402 6739 |

## Kalendar Pelancongan Pulau Pinang November 2015




22hb November
***Penang Bridge Internation Marathon***

## BULETIN MUTIARA

Tingkat 47, Komtar,
10503 Penang
Phone : 04-650 5468 I Fax : 04-261 5923
Email: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Keep yourself updated through SMS blast,
Type "***ADD ME***" and send to 010 333 1758

**Penulis:**
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

**Jurugambar/Juruvideo:**
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

**Jurugrafik:**
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN



AKSI Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (dua dari kiri) menunggang motosikal pada program Jelajah Desa 2015 Peringkat Daerah Barat Daya.



EXCO Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali) menyampaikan cenderamata kepada Tuan Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) yang hadir menyempurnakan Majlis Ijtimak dan Penyampaian Anugerah Al-Huffaz.



BARISAN Ahli Majlis MBPP bergambar kenangan dengan wakil-wakil sebuah syarikat korporat yang menaja *'face mask'* jenis N95 kepada kakitangan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.



*POSE* menarik sekumpulan kanak-kanak yang berjaya dirakam lensa Buletin Mutiara pada sambutan Hari Kanak-kanak Sedunia anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan *Penang State Consultative Goodwill Council* (PSCGC).







TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (empat dari kiri) bersama-sama wakil pemaju dan penduduk ketika hadir pada majlis lawatan unit rumah kos rendah Bayu Nyaman, Bayan Lepas.



PARA pelajar tahfiz pada Majlis Ijtimak dan Penyampaian Anugerah Al-Huffaz.



AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee (lima dari kanan) bergambar kenangan bersama-sama jawatankuasa penganjur dan pengguna jalan raya pada Kempen Kesedaran Keselamatan Jalan Raya Sempena Deepavali.



SEORANG kanak-kanak bergaya di hadapan sebuah kereta ala-ala *Transformers* pada Majlis Perasmian Mean Machines 2015.

# JA Solar, firma solar kedua China labur RM220 juta di P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**BAYAN LEPAS –** JA Solar, firma berkaitan tenaga boleh diperbaharui melebarkan sayap pelaburan pertama di persisiran luar China dengan membuka kilang berprestasi tinggi di Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas baru-baru.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada Duta Besar China Ke Malaysia, Dr. Huang Huikang kerana dilihat gigih menarik pelabur dari tanah besar itu ke negeri ini.

"Selepas pelaburan Jinko Solar di Zon Perindustrian Bebas, saya sekali lagi berbangga melihat JA Solar kerana memilih lokasi ini (Pulau Pinang) sebagai kilang pembuatan pertamanya di luar China.

"Lokasi strategik di Asia Tenggara, insentif cukai yang menggalakkan, kualiti pekerja serta jurutera mahir dan berpendidikan, infrastruktur perindustrian yang boleh dipercayai dengan persekitaran kos pembuatan yang kompetatif membuatkan kita (Pulau Pinang) dilihat menarik untuk (produktiviti) teknologi solar berprestasi tinggi, seperti JA Solar.



KETUA Menteri bersama-sama Dr. Huang Huikang (dua dari kanan) dan John Nastasi (dua dari kiri) menyaksikan gimik kemunculan robot pada Majlis Peluncuran Pembukaan Kilang JA Solar di sini baru-baru ini.

"Pulau Pinang sangat berterima kasih kepada Dr. Huang Huikang dan Konsul Besar China ke Pulau Pinang, Wu Jun kerana membawa pelaburan ke negeri ini," ucapnya pada Majlis Pelancaran Pembukaan Kilang Industri JA Solar di sini baru-baru ini.

Presiden merangkap Ketua Pegawai Operasi JA Solar Holdings Co. Ltd., Xie Jian dan John Nastasi (Pengurus Besar Unit Perniagaan Solar Celestica International INC.) turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Pengerusi JA Solar, Jin Baofang.

Difahamkan, JA Solar melabur RM220 juta untuk mengeluarkan sel solar berprestasi tinggi berasaskan silikon dengan menitikberatkan kawal urus alam sekitar dan pencemaran.

Guan Eng memberitahu, kehadiran JA Solar telah mencipta 700 lagi peluang pekerjaan baru untuk rakyat Malaysia di negeri ini.

Sebelum itu, Huikang mengaku bahawa Malaysia khususnya Pulau Pinang dilihat sebagai destinasi kompetatif untuk industri tenaga yang diperbaharui belakangan ini.

Tambah beliau, tenaga yang boleh diperbaharui akan digunakan secara meluas di Malaysia pada masa depan, memandangkan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) menunjukkan capaian pertumbuhan hijau, dengan mensasarkan pengeluaran tenaga asal daripada sumber tenaga yang boleh diperbaharui adalah sebanyak 5.5 peratus pada tahun ini dan 11 peratus pada tahun 2020.

Terdahulu, sebuah lagi firma solar dari China, Jinko Solar turut melabur RM100 juta untuk membina sayap pengeluaran industrinya di Zon Perindustrian Bebas Perai, sekaligus menunjukkan Malaysia termasuk Pulau Pinang merupakan destinasi pelaburan pilihan bagi negara 'Tembok Besar' itu.



SALAH sebuah bilik operasi JA Solar.






# Forum zakat di IPT

**17 OKTOBER 2015, PERMATANG PAUH –** ZPP buat julung kalinya dengan kerjasama Unit Kerjaya & Kaunseling, Pusat Zakat, Waqaf & Sedeqah (ACIS) dan Majlis Perwakilan Pelajar UiTM Pulau Pinang menganjurkan Forum Zakat D' IPT yang bertempat di Dewan Seminar, UiTM Pulau Pinang.

Pengurus Besar ZPP Azman Abdul Samat berkata, forum diadakan khusus buat pelajar di IPT bagi mengupas isu berkaitan zakat, sekaligus memberi pendedahan mengenai keberkatan berzakat serta fungsi institusi zakat masa kini.

Beliau berkata, program berkenaan mendapat kerjasama UiTM dalam konteks forum dan beberapa program menyusul dengan kerjasama UiTM dan IPT lain bagi mendapatkan impak baik dari masyarakat dalam kesedaran dan kebaikan menunaikan zakat. Program yang diadakan turut merapatkan hubungan baik dan menjalinkan kerjasama antara ZPP dan IPT dalam menyemarakkan zakat terutama ni negeri ini.

Forum bertajuk "Rezeki Kena Berkat Ke?" tersebut dikendalikan moderator Ustaz Fawwaz Mohamad Jan, Eksekutif dari ZPP bersama dua panel jemputan iaitu Xifu Abdul Naser Abdul Rahman, pensyarah UIAM dan chef selebriti, Kamarul Hasni Che Rose dari UiTM Pulau Pinang.

Selain penuntut UiTM, program turut disertai 150 peserta Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB), Institut Pendidikan Guru Kampus Tuanku Bainun dan Universiti Sains Malaysia (USM).

ZPP berharap dengan penganjuran program sedemikian, pelajar yang mendapat pendedahan awal akan menjadi pembayar zakat di masa hadapan.



PENGURUS Besar ZPP, Tuan Haji Azman Abdul Samat (dua dari kiri) menyampaikan cenderahati kepada Dr. Baderisang Mohamed.


HADIRIN yang hadir memeriahkan lagi forum.



PERKONGSIAN hebat ahli-ahli Panel dan juga Moderator.


HADIRIN yang mendapat manfaat turut berpeluang mengajukan soalan.

## TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

**Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453**

**Layarilah Laman Web : http://www.penang.gov.my**

**Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.**

**(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)**

No Akaun : 3317
Peminjam : BADRUL ZAMAN BIN ABDULLAH - 69022107****
NO.47 KAMPUNG BELAH DUA, 13500 PERMATANG PAUH
Penjamin 1 : BANI HUSAIN BIN MD YUSOF - (MENINGGAL DUNIA)
11A LORONG SIAKAP 14, 13700 SEBERANG JAYA, PERAI
Penjamin 2 : AHMAD OSMANI BIN MOHAMED HASHIM - 4604***
26 LORONG TERINAI, TAMAN INDAH, BUKIT TENGAH, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3319
Peminjam : DAVID A/L SAMINATHAN - 67021007****
E-4-3 KUARTERS INST PENDIDIKAN, S.M.K. LUNAS, 09600 JLN PADANG SERAI, LUNAS, KEDAH
Penjamin 1 : CECILIA A/P ANTHONYSAMY - 5643***
NO. 32 LORONG BELATUK 4, TAMAN BELATUK, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : LOUIS A/L D AROKIASAMY - 1683***
47 PERSIARAN MERBUK, TAMAN BAHAGIA , 14300 NIBONG TEBAL, SPS

No Akaun : 3324
Peminjam : SYED AHMAD FUAD BIN SYED MUHAMMAD - 69071612****
NO. 420 JALAN BPJ 3A/10, BANDAR PUTERI JAYA, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1 : TALIP BIN HUSSIN - 56110204****
NO. 6 JALAN TERATAI J4/8, TAMAN INDAH JAYA, 36000 TELUK INTAN, PERAK
Penjamin 2 : SHUHAIMI B ANNUAR - 60101607****
339 MK5, KG PETANI, PENANTI, 14400 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 3327
Peminjam : MOHD ALI BIN ISMAIL - 68032307****
NO. 16 LENGKOK BAWAH, BUKIT GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG
Penjamin 1 : AZIZ BIN IBRAHIM - 60061571****
NO. 28 PERUMAHAN KASTAM KANGAR, JALAN KAMPUNG PONDOK, 01000 KANGAR, PERLIS
Penjamin 2 : MASDAR B ABD RASHID - (MENINGGAL DUNIA)
9 KG TERANG, BALIK PULAU, 11000 PULAU PINANG

No Akaun : 3328
Peminjam : FAZILAH BINTI ABDULLAH - 70062607****
B-16 RUMAH TRANSIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG
Penjamin 1 : SITI ROHANI BINTI SIRON - 44090102****
B-16 RUMAH TRANSIT 2, 10470 TANJUNG TOKONG, PULAU PINANG
Penjamin 2 : KAMAL BIN SIRON - (MENINGGAL DUNIA)
BLOK 9-1-2 JALAN TENGAH , BANDAR BAYAN BARU, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG

No Akaun : 3334
Peminjam : ZAHAIR BIN ZAINUL ABIDIN - 69052207****
NO 3 LENGKOK TAWAS, TAMAN TASEK DAMAI 30011 IPOH, PERAK
Penjamin 1 : MD JAMIL BIN MD HANIFF - 54091802****
NO. 18 JALAN BELIBIS 19, TAMAN PERLING, JOHOR BAHRU, 81200 JOHOR
Penjamin 2 : NOR ASLAN BIN MOHD BAIE - 59013010****
B6 LOT 3767, LORONG HAJI SAID BATU 7, JLN KEBUN, SEK. 30 , 40460 SHAH ALAM , SELANGOR

No Akaun : 3384
Peminjam : SIM KEAN CHYE -
NO. 1 TASIK 14000 SIMPANG EMPAT, SPS
Penjamin 1 : TAN CHUN BOO -
349 TASIK, 14000 SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : OOI BOON KUANG
NO. 8 TASIK, 14000 SIMPANG EMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN

No Akaun : 3386
Peminjam : TOH CHENG BOK - 62021907****
NO. 28-H JALAN 3, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1 : QUAZI BIN ABDUL HALIM - 9533***
150 LOWER CRESCENT, BUKIT GLUGOR, 11700 PULAU PINANG
Penjamin 2 : NORRIZAH BIN M.ISMAIL - 59080907****
NO. 9542 JALAN SS 12/1F, 47500 SUBANG JAYA, SELANGOR

No Akaun : 3391
Peminjam : MOHAMED THAMBY BIN MD IBRAHIM - 47081471****
45 MEDAN ATHINAHAPAN SATU, TAMAN TUN DR ISMAIL 60000 KUALA LUMPUR
Penjamin 1 : BOHARI BIN SIDIN -(MENINGGAL DUNIA)
76 JALAN OKID, TAMAN SERI, TELOK DATUK, BANTING,SELANGOR
Penjamin 2 : ISMAIL BIN HAMZAH@ISMAIL HAMZAH NASUTION - 45091010****
NO. 73 JALAN MELUR 15, TAMAN MELUR, AMPANG, 68000 SELANGOR

No Akaun : 4001
Peminjam : BATHUMAVATHY A/P SUPPIAH - 72050507****
NO.3 LORONG MARKISAH 4, TAMAN MARKISAH, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : PIRAHALATHAN A/L RAMAMURTI - 61071802****
NO. 18 LORONG KURAU 7, TAMAN CHAI LENG, 13700 PERAI
Penjamin 2 : MUNIANDY A/L RAMAYAH - 52072907****
15 TINGKAT ERSKINE TIGA, 10470 PULAU PINANG

No Akaun : 4016
Peminjam : ANG GUIK CHENG - 73111307****
21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : ANG KIAT LEONG - A1440***
21 LORONG IMPIAN 7, TAMAN IMPIAN , 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2 : ANG KIAT THOON - A2375***
NO. 6 JALAN SEMANGAT , KAMPUNG BARU, 14000 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4053
Peminjam : GOVINDER SINGH A/L SIVNARAIN SINGH - 74120107****
14 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH, 13600 PERAI
Penjamin 1 : NADARAJAN A/L MUNIANDY - 57110710****
NO. 16 LORONG KIKIK 8, TAMAN INDERAWASIH, 13700 PERAI
Penjamin 2 : M.K.YASU DEVAN A/L S M KUMARASAMY - 57040507****
41 LORONG NANGKA 5, TAMAN DESA DAMAI, 14100 BUKIT MERTAJAM

No Akaun : 4060
Peminjam : TANG ENG KEONG - 76112107****
NO 9 SOLOK BINJAI 2, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1 : TAN YEN TEGK - A0644***
663 KEPALA GAJAH, 14120 SIMPANG AMPAT, SEBERANG PERAI SELATAN
Penjamin 2 : LAI HON CHIEW - 3779***
NO. 9 TINGKAT BINJAI 24, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIIT MERTAJAM

No Akaun : 4082
Peminjam : TANG CHONG THYE – 75022307****
6 LORONG SINTAR INDAH 12, TAMAN SINTAR INDAH 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 1 : TANG SEAK BAK – 48111407****
3389 CHANGKAT, 14300 NIBONG TEBAL, SPS
Penjamin 2 : TAN SIAK CHANG – 63100707****
2005 JALAN TOKONG, KAMPUNG JAWI 14200 SUNGAI BAKAP, SPS

# Penstrukturan syarikat multinasional global ubah kondisi pelaburan negeri, respons iP

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **CHAN LILIAN**

**BAYAN LEPAS –** Penstrukturan semula operasi syarikat multinasional dari antarabangsa di Pulau Pinang ekoran perubahan persekitaran ekonomi dunia bukanlah gambaran sebenar bahawa pelaburan ke negeri ini "muram".

Pengarah investPenang (iP), Datuk Lee Kah Choon berkata demikian sebagai reaksi pada pelbagai spekulasi di talian dan media yang menggambarkan pelaburan mulai meninggalkan Pulau Pinang, hingga mengakibatkan peluang pekerjaan kian menguncup belakangan ini.

"Dalam industri dan perniagaan hari ini, langkah penggabungan dan pengambilalihan biasanya dijalankan (oleh syarikat multinasional) bukan sahaja bertujuan untuk menyatukan operasi, malah juga atas sebab-sebab lain seperti peningkatan dalam perkongsian pasaran serta kuasa teknologi.

"Ini, yang sedang berlaku dalam syarikat-syarikat teknologi semikonduktor dan E&E (Elektoronik dan Elektrik) di peringkat global, dan Pulau Pinang sebagai hub elektronik dengan (permukiman) begitu banyak syarikat antarabangsa biasanya turut menerima kesan," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Menurut Kah Choon, dalam setengah tahun pertama 2015 sahaja, M&A (*Mergers & Acquisitions*) diumumkan sebanyak AS$72.6 bilion. Angka itu lebih empat kali ganda nilai Penggabungan & Pemerolehan (M7A) yang dilaporkan pada tahun fiskal 2014.

"3 M&A utama termasuk, AS$37 bilion pengambilalihan *Broadcom* oleh *Avago,* AS$16.7 bilion pengambilalihan *Altera* oleh *Intel* dan AS$11.8 bilion pengambilalihan *NXP Semiconductor oleh Freescale,"* jelas beliau sambil menyatakan bahawa perubahan kondisi pelaburan di Pulau Pinang adalah berpunca oleh penstrukturan semula beberapa syarikat antarabangsa di peringkat global.

Untuk lebih jelas mengenai kondisi pelaburan di Pulau Pinang, Kah Choon memberitahu bahawa lima syarikat multinasional mengumumkan langkah M&A baru-baru ini.

Sebagai contoh, katanya, *AMD* melakukan usahasama dengan *Nantong Fujitsu Microelectronic Co*. dengan 85 peratus perkongsian di kilang pengeluaran *AMD* di Pulau Pinang dan kilangnya Suzhou dekat China telah dijual kepada *Nantong Fujitsu Microelectronics* tunai AS$371 juta, dengan *AMD* memegang 15 peratus kepentingan.

"Tapak pembuatan di Pulau Pinang akan kekal beroperasi dan usaha sama adalah langkah terbaru dalam transformasi strategik *AMD* untuk mengasah lagi fokus dan operasi pada bentuk produk berprestasi tinggi.

"Syarikat itu mengumumkan bahawa 'tiada pengurangan tenaga kerja yang dirancang di industri *AMD* dekat Pulau Pinang'," ujarnya sambil memberitahu bahawa rundingan kedua-dua pihak dijangka selesai pada pertengahan tahun depan.

Satu lagi contoh, kata beliau adalah langkah *Sanmima Corp*. mengambil alih kilang pengeluaran *Motorola Solutions* di Bayan Lepas.

*Motorola* di Bangunan Technoplex akan memberi tumpuan pada bidang Penyelidikan & Pembangunan (R&D), manakala kilangnya akan diambil alih oleh *Sanmina Corp*. selaku pembekal perkhidmatan pembuatan terkemuka.

"Komitmen jualan *Motorola* sebenarnya tidak berubah di Malaysia, malah, membolehkan *Motorola Solutions* memberikan perkhidmatan tahap terbaik kepada rakan-rakan dan pelanggan," katanya memetik laporan berita sebuah akhbar tempatan pada 14 Oktober lalu.

Tambah Kah Choon, rundingan kedua-dua pihak yang dijangka akan dimuktamadkan pada awal tahun depan hanya akan melibatkan proses pemindahan pekerja dari *Motorola* kepada *Sanmina (Corp.),* bukan "mengurangkan" bilangan pekerja.

Contoh lain, tambahnya, adalah pengumuman *Western Digital* pada 21 Oktober lalu untuk mengambil alih *SanDisk* dengan saham dan tunai sejumlah AS$19 bilion.

Mengulas lanjut, Kah Choon memberitahu bahawa perjanjian itu dijadualkan ditutup pada Suku Tahun Ketiga 2016, yang membabitkan 1,042 pekerja di *SanDisk* Pulau Pinang.

Syarikat *Amphenol* turut akan menutup salah satu pusat operasinya di Pulau Pinang demi menstrukturkan kemudahan mudah alih pengguna di Asia Pasifik.

"Seramai 150 pekerja akan terjejas...syarikat akan meneruskan operasi menghasilkan penyambung kelajuan tinggi *(high speed connectors)* dalam dua racangan perindustrian lain di Pulau Pinang, dengan keperluan 800 kakitangan," jelasnya.



LEE Kah Choon.

"Begitu juga dengan *EMC* pada 12 Oktober lalu mengumumkan untuk mengambil alih *Dell* dengan nilai AS$67 bilion demi mengembangkan syarikat multinasional tersebut di lokasi-lokasi yang paling relevan untuk pemasaran IT (informasi teknologi).

"Hanya 150 pekerja di Pulau Pinang terjejas...kerja-kerja M&A memang dilakukan, tetapi, tida ada berita mengenai penutupan *(Dell)* setakat ini.

"Pergerakan korporat akan memberi kesan kepada Pulau Pinang, sebagai tuan rumah kepada banyak syarikat multinasional, dan juga negeri-negeri lain di Malaysia

"(Bagaimanapun), di Pulau Pinang, pelaburan dalam sektor pembuatan kekal teguh.

"Baru-baru ini, *Jinko Solar* serta *JA Solar*, kedua-dua syarikat multinasional China mula beroperasi di Pulau Pinang dengan menawarkan sejumlah 1,900 peluang pekerjaan.

"*HP* kini sedang membina kilang mereka di Batu Kawan dan akan mengambil 1,000 kakitangan apabila beroperasi sepenuhnya.

"Secara keseluruhan, menurut MIDA, sebanyak 17,896 pekerjaan baru akan diwujudkan di Pulau Pinang melalui pelaburan yang diluluskan pada tahun 2014 dan 13,199 pekerjaan baru melalui pelaburan yang diluluskan dalam separuh tahun pertama 2015," ujar beliau.

Itu, menurut Kah Choon, belum mengambil kira sektor perkhidmatan, terutamanya Perkhidmatan Perniagaan Global dan *Shared Services Outsourcing* (SSO) yang terus menawarkan peluang pekerjaan bernilai tinggi.

"*HP* baru-baru ini memulakan pusat kewangan di PDC Technoplex, lain-lain termasuk pusat GBS Osram yang menawarkan (peluang pekerjaan kepada) 150 kakitangan, manakala, *Jurong Engineering Design Center* dengan 200 kakitangan," katanya.

Pulau Pinang direkodkan berjaya menarik RM48.2 bilion pelaburan mulai 2008 hingga 2014, iaitu 93 peratus lebih tinggi berbanding hanya RM24.9 bilion yang dilaburkan dalam tempoh sama selama enam tahun, mulai 2001 hingga 2007.



CARTA pelaburan baru di Pulau Pinang bagi tahun 2015.



KADAR guna tenaga kerja dan pengangguran negeri.

# Tiada berita pemberhentian pekerja kilang - TKMI

**GEORGE TOWN –** Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon berkata, pihaknya langsung tidak mempunyai informasi mengenai pemberhentian pekerja-pekerja kilang, sungguhpun tahu mengenai pelbagai spekulasi awam yang menggambarkan syarikat-syarikat multinasional serta berkaitan Elektronik & Elektrik (E&E) mulai meninggalkan Pulau Pinang.

Beliau bagaimanapun berkata, Kerajaan Negeri secara pentadbiran bersedia untuk membantu sekiranya terdapat pekerja yang diberhentikan susulan beberapa industri terbabit melakukan penstrukturan semula operasi syarikat dari antarabangsa di negeri ini.

"Pada musim ekonomi 'suram' ini, syarikat-syarikat tertentu boleh mempertimbang untuk meninggalkan (Pulau Pinang)...tetapi terdapat banyak lagi syarikat melabur (ke negeri ini).

"Sehingga kini, tiada berita rasmi mengenai pemberhentian (pekerja-pekerja kilang)," jelasnya yang juga Exco Pembangunan Industri, Perdagangan Antarabangsa, Pembangunan Usahawan, Koperasi dan Perhubungan Masyarakat di sini baru-baru ini.

Beliau memberitahu, terdapat kira-kira 20 syarikat lain masih mencari tenaga kerja di negeri ini.

"Setakat ini, saya mempunyai kira-kira 20 syarikat masih mencari orang," jelas beliau semasa diminta mengulas mengenai satu laporan yang menyebut beberapa syarikat pelabur besar meninggalkan negeri ini.

Menurut Mohd. Rashid, Pulau Pinang telah belajar dari penggulungan industri *US Applied Magnetics Corporation,* yang menyaksikan lebih 2,000 pekerja diberhentikan, 15 tahun lalu.

"Sememangnya, kerajaan perlu campur tangan, dari segi membantu pekerja yang diberhentikan.

"Kami (Kerajaan Negeri) akan membantu mereka sepadan kemahiran mereka untuk banyak syarikat berteknologi tinggi yang lain di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak.

Terdahulu, *Business Times* melaporkan syarikat pembuat sistem automotif, *Blaunpunkt GmbH* akan menutup operasi anak syarikatnya, Blaupunkt Malaysia Sdn. Bhd. yang berpangkalan di negeri ini.

Syarikat itu dikatakan telah meletakkan iklan di sebuah akhbar berbahasa Inggeris menyatakan rancangan untuk menggulung itu.

Gergasi teknologi Amerika, *Motorola Solutions* dan *Advanced Micro Devices* masing-masing turut dilaporkan mengumumkan penstrukturan semula operasi industri masing-masing di Pulau Pinang sama ada penggabungan atau pengambilalihan.

Pun begitu, kedua-dua syarikat berkenaan dilaporkan memberitahu bahawa tidak akan melaksanakan pemberhentian pekerja di negeri ini.

# P. Pinang sebagai peneraju kajian teknologi pengurusan sisa terjadual negara










PHEE Boon Poh (duduk, dua dari kiri) berjabat tangan dengan Hideo Taki (dua dari kanan) selepas tamat sesi mesyuarat permulaan Program Teknologi Pemprosesan Sisa Bagi Merkuri di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Pulau Pinang dipilih sebagai peneraju projek kajian teknologi pengurusan sisa terjadual di Malaysia di bawah tanggungjawab alam sekitar korporat *(corporate environment responsibility, CER)* bersama melalui perkongsian awam dan swasta (PPP) antara negeri ini dan Jepun.

Perkara itu dinyatakan Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh pada mesyuarat permulaan Program Teknologi Pemprosesan Sisa Bagi Merkuri di Pulau Pinang di sini, baru-baru ini.

Projek dibiayai *Japan International Cooperation Agency* (JICA) itu turut mendapat kerjasama beberapa pihak antaranya, syarikat swasta yang menjadi peneraju teknologi tersebut dari Jepun, *Nomura Kohsan Co. Ltd., Global Environment Centre Foundation* (GEC), *Penang Green Council* (PGC), Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Kesihatan Negeri dan Shan Poornam Metals Sdn. Bhd. (salah sebuah syarikat swasta yang menguruskan sisa pepejal dan berjadual di Seberang Perai).

Menurut Boon Poh, kajian terhadap program berkenaan akan memfokus dalam menetapkan mekanisme yang bersesuaian supaya pelaksanaan dasar-dasar kecekapan pengurusan sisa termasuk sisa berjadual tidak memberi impak terhadap alam sekitar.

"Ramai dalam kalangan rakyat Malaysia tidak menyedari bahawa kesan merkuri terhadap kesihatan dan alam sekitar. Umumnya, ramai yang terlepas pandang walaupun sudah terbukti oleh pakar-pakar kesihatan bahawa bahan logam berat seperti merkuri ini boleh memberi kesan ke atas sel-sel manusia.

"Malah, ramai juga yang tidak tahu, perkakasan seperti bateri, lampu kalimantang dan lampu kalimantang mampat (CFL) mengandungi merkuri (raksa).

"Juga, ramai tidak mengetahui apa yang akan berlaku pada bahan-bahan kitar semula termasuk sisa elektronik (*e-waste*) dan sisa berjadual (merkuri) selepas dipungut oleh pihak-pihak tertentu," katanya pada majlis berkaitan.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif merangkap Setiausaha Agung GEC, Hideo Taki dan wakil JICA, Fukazawa Shinsaku.

Mengulas lanjut, Boon Poh memberitahu bahawa syarikat-syarikat atau kedai jualan perkakasan di negara ini juga tidak menyediakan maklumat berkaitan pembuangan dan pengurusan sisa berkenaan.

Malah, jelasnya, ada yang mengambil jalan mudah dengan membuang ia di merata-rata tempat termasuk ke dalam sumber air atau menyimpannya di tempat terbuka.

"Sisa buangan terutamanya yang mengandungi merkuri mestilah dikendalikan dengan betul bagi mengelakkan pencemaran dan larut lesap sama ada dalam proses pengumpulan, pengangkutan, penyimpanan dan pemulihan yang boleh mencemarkan alam sekitar," ujar beliau.

Tambah Boon Poh yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Puyu, sebagai sebuah negara sedang membangun, Malaysia perlu lebih peka dalam melaksanakan pengurusan bersepadu sisa buangan.

"Atas dasar itulah, kita bersetuju apabila JICA dan GEC mahu menaja kajian teknologi pengurusan sisa selama dua tahun bermula tahun hadapan.

"Kajian itu seterusnya akan dibawa untuk merangka satu dasar yang akan digunapakai di Malaysia dan mungkin juga di negara-negara ASEAN lain melalui penyelarasan antara negara," katanya.

Dalam pada itu, Fukazawa menyatakan bahawa pihaknya sedia membantu Pulau Pinang dalam merealisasikan kajian tersebut.

"Kami di Jepun telah melalui tragedi pencemaran merkuri pada tahun 1953 yang dikenali sebagai tragedi Minamata. Ia merupakan pengajaran terbesar dan telah meragut sebilangan nyawa termasuk kesengsaraan kekal selama beberapa generasi.

"Tragedi ini merupakan contoh kepada dunia bagaimana efluen (sisa buangan) dari kilang industri kimia menyebabkan hidupan laut tercemar dengan metilmerkuri yang berkepekatan tinggi.

"Kami telah melihat bagaimana masalah kongenital pada bayi sehingga menyebabkan kerencatan akal dan penyakit serebral palsi, dan kami tidak mahu ianya berulang," katanya ketika menjawab persoalan bagaimana Jepun boleh membantu dalam teknologi pengurusan sisa di sini.

Tambah beliau, Jepun sedia berkongsi kepakaran dan penyelidikan dalam bidang pengurusan sisa sekaligus meninggalkan satu legasi yang dapat dijadikan rujukan pada masa hadapan.

Nada sama turut disuarakan Hideo yang yakin bahawa kajian tersebut akan menjadi rujukan terpenting bagi Malaysia dan negara serantau.

# Gangguan psikologi jejas upaya kekal hubungan - Dr. Jayabalan

Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



R.S.N. Rayer.

**GEORGE TOWN –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Uban, Dr. T. Jayabalan memberitahu bahawa golongan wanita didapati mengalami 40 peratus lebih banyak masalah kesihatan mental disebabkan tekanan perasaan berbanding lelaki.

"Gangguan psikologi seperti kemurungan adalah 20 hingga 40 peratus lebih biasa dalam kalangan wanita berbanding lelaki disebabkan kepelbagaian tanggungjawab seperti mengasuh anak-anak, suri rumah dan bekerja.

"Secara tidak langsung, masalah ini boleh memberi kesan mendalam kepada individu-individu yang berada di sekeliling dan menjejas keupayaan mengekalkan hubungan sedia ada," katanya pada Seminar Kesihatan Mental Wanita anjuran Briged Wanita Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

Hadir merasmikan penganjuran tersebut adalah ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer.



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam penganjuran Seminar Kesihatan Mental Wanita anjuran Briged Wanita Bukit Gelugor di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pakar Perunding Psikitiari Hospital Pulau Pinang (HPP), Dr. Fong Lai Wah, Pakar Perunding Psikologi Klinikal Hospital Adventist Pulau Pinang, Dr. Lynne Yong dan Kaunselor Kesihatan Mental serta Perintis Persatuan Kaunseling dan Psikologi Pulau Pinang, Indranee Liew.

Seramai 290 peserta dari pelbagai latar belakang menyertai penganjuran yang bertemakan, Memperkasa Wanita Sepanjang Hayat.

Mengulas lanjut, Jayabalan memberitahu bahawa kesihatan mental terutamanya dalam kalangan wanita adalah amat penting.

"Kesihatan mental 'menguatkan' kemampuan seseorang untuk mempunyai hubungan yang sihat, membantu membuat pilihan untuk kehidupan lebih baik, pendorong mengekalkan kesihatan fizikal dan meningkatkan kesejahteraan kualiti hidup.

"Kebimbangan yang berlebihan dan tekanan boleh menyumbang kepada masalah fizikal seperti sakit jantung dan keupayaan seseorang mengendalikan kehidupan seharian.

"Lebih membimbangkan adalah jika kesan secara tidak langsung ini memberi kesan kepada sistem imun dan menjadikan seseosrang lebih mudah terdedah kepada penyakit," ujar beliau.

# Laporan beretika, hormati hak setiap kanak-kanak



DR. Prema Devaraj (kiri sekali) ketika memberi taklimat pada penganjuran Bengkel Hak Kanak-kanak dan Etika Kewartawanan di sini baru-baru ini.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Tiada sikap kepedulian dan stigma sosial masyarakat merupakan antara punca kes golongan kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seksual tidak ditangani dengan sensitiviti serta belas kasihan.

Perkara tersebut dinyatakan Konsultan Program Pusat Perubahan Tingkah Laku Wanita (WCC), Dr. Prema Devaraj pada penganjuran Bengkel Hak Kanak-kanak dan Etika Kewartawanan di sini baru-baru ini.

Katanya, atas faktor tersebut juga, perkara yang bertentangan dengan norma sosial sering diambil mudah serta didedahkan di media tanpa mengambil kira perasaan dan sasaran stigma masyarakat terhadap kanak-kanak yang menjadi mangsa.

"Stigma mengambil kira pelbagai bentuk dan ia adalah berdasarkan kepada ketakutan tidak rasional atau prasangka melibatkan fizikal seperti kecacatan, etnik, agama, mental, penyakit, latar belakang jenayah dan sebagainya.

"Dalam kes-kes jenayah seksual melibatkan kanak-kanak khususnya, sekiranya seseorang wartawan mendedahkan bahawasanya kanak-kanak terbabit sebagai contoh, menjadi mangsa jenayah seks atau HIV positif, kemungkinan dia (kanak-kanak) akan menjadi sasaran stigma negatif masyarakat dan seterusnya dipinggirkan," ujar beliau.

Hadir sama, Pegawai Sokongan WCC, Joshua Teh.

Turut hadir dan berucap, Profesor Madya Dr. Shakila Manan yang dijemput khas dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Mengulas lanjut, Prema memberitahu bahawa pertubuhan yang menjaga hak asasi kanak-kanak, *The United Nations Children's Fund* (UNICEF) telah mengariskan beberapa prinsip sebagai panduan bagi seseorang 'penulis' melaporkan isu-isu yang memberi kesan langsung terhadap golongan berkaitan.

"Garis panduan ini bertujuan menyokong laporan berita yang lebih beretika iaitu menitikberatkan kepentingan awam tanpa menjejaskan hak kanak-kanak.

"Antaranya, hak setiap kanak-kanak perlu dihormati dalam apa jua keadaan. Ketika laporan ditulis, perhatian khusus adalah diperlukan bagi memastikan kanak-kanak berkaitan mempunyai privasi dan kerahsiaan, mampu menyuarakan pendapat sendiri serta turut serta dalam membuat keputusan.

"Malah, seorang wartawan yang beretika juga tidak akan menyiarkan cerita atau imej seseorang mangsa iaitu kanak-kanak meskipun identitinya telah diubah atau dikaburkan," jelasnya.

www.penangjazz.com

PART OF 10 DAYS 3 FESTIVALS
27 NOV-6 DEC 2015

PJF
12th FESTIVAL JAZZ PULAU PINANG

3 - 6 Disember 2015

Venue :
Bayview Beach Resort, Hard Rock Hotel, Tropical Spice Garden, 23LoveLane

- Pentas "Jazz by the Beach"
- Pentas Kreatif Malaysia
- Sunrise @ Tropical Spice Garden
- Woksyop / Forum Muzik
- Galeri Jazz dan lain-lain

5 & 6 Dis (Sabtu & Ahad)
Gardens, Bayview Beach Resort
"Jazz by the Beach"
PENTAS UTAMA
Tiket: RM85.00 sehari
(Termasuk RM3.00 fee tiket & GST)
FREE STANDING




Disokong oleh:

Rakan Venue:

Rakan Media:

Penganjur:

Maklumat tiket:
www.ticketpro.com.my

# Seni khat atas kaca Khalid tumpu reka bentuk Islamik

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**





ANTARA hasil kerja yang dihasilkan.

**MINAT** dalam kerja tangan dan reka bentuk Islam mendorong Khalid Sarpin, 51, meneroka bidang perusahaan yang telah diusahakan beliau kira-kira 20 tahun lalu.

Baginya, walaupun terpaksa berdepan dengan kos kenaikan harga mentah ekoran caj Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) sejak April lalu, beliau tidak mudah berputus asa sebaliknya merancang strategi pemasaran yang lebih 'realistik'.

"Buat berdasarkan kos yang orang mampu beli, kalau *design* (reka bentuk) teruk-teruk dan kos mahal, tidak ada gunanya. Sebaliknya, kena *design* (reka bentuk) cantik dan kos berpatutan," katanya yang merupakan usahawan seni khat atas kaca di Penaga, Seberang Perai Utara (SPU) kepada Skuan Jalan-jalan Buletin Mutiara baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Khalid yang agak pemalu orangnya memberitahu bahawa antara barangan mentah yang mengalami kenaikan harga sekali ganda adalah jubin, cat dan bahan-bahan campuran yang digunakan untuk proses '*blasting*'.

"Semua bahan ini adalah diimport dan kenaikannya adalah amat ketara.

"Walaupun harga bahan naik, pelanggan bagaimanapun tidak bersedia untuk membayar produk yang lebih tinggi harganya.

"Ini ditambah lagi dengan persaingan produk-produk serupa dari China, Syria dan Pakistan," jelasnya yang mana pemasarannya adalah tertumpu di Penaga, Setiawan, Perak dan Kuala Lumpur kini.



KHALID Sarpin.

Menurut Khalid, kemahiran yang dimiliki beliau adalah hasil usaha dirinya sendiri.

"Saya minat dengan kerja-kerja tangan, minat dengan reka bentuk Islamik dan minat berniaga, tetapi tidak minat makan gaji bawah orang.

"Saya belajar sendiri menerusi kawan-kawan dan bagi corak reka bentuk, saya rujuk kepada buku-buku, internet dan hasil lawatan ke masjid-masjid.

"Memang lama untuk memahiri teknik kerja tangan ini. Saya banyak kali cuba dan barulah jadi. Proses paling susah adalah untuk membuat *design* (reka bentuk)," jelas beliau yang dikurniakan lapan cahaya mata.

Bagi proses pembuatan, Khalid menyatakan bahawa langkah pertama adalah membuat reka bentuk di dalam komputer. Kemudian, mesin plotter digunakan untuk memotong pelekat sebagaimana reka bentuk berkaitan.

"Pelekat yang siap dipotong kemudian dilekatkan di atas kaca atau jubin (bergantung kepada bahan yang ingin digunakan); pelekat 'berlebihan' dibuang dan 'baki' yang tinggal adalah reka bentuk yang dibuat sebelum ini.



"Kaca atau jubin berpelekat kemudian dimasukkan ke dalam mesin *blasting* untuk 'ditembak' (diukir) mengikut ukiran yang telah dibuat sebelum ini. Tempoh masa proses 'tembak' adalah bergantung kepada saiz serta kekerasan kaca atau jubin yang digunakan.

"Setelah siap 'ditembak', jubin atau kaca akan dicat dan akhir sekali adalah proses pemasangan mengikut tempahan pelanggan," jelasnya.

Sepanjang tempoh penglibatan Khalid dalam bidang tersebut, beliau tidak menafikan bahawa ketelitian merupakan faktor penting dalam penghasilan hasil kerja berkualiti.

"Saya masih ingat pernah tersilap tulis ayat pada ukiran. Maka, tiada pilihan lain selain buat semula kesemuanya.

"Selain itu, perlu terus belajar untuk hasilkan reka bentuk unik dan lain daripada orang lain.

"Walaupun persaingan pasaran tempatan tidak begitu dirasai, namun, apa yang ketara adalah (persaingan) daripada warga asing yang sedikit sebanyak merosakkan harga pasaran sedia ada," ujar beliau.

Bagi perancangan masa depan, sebagai usahawan, Khalid yang banyak menumpukan kepada reka bentuk Islamik ingin melihat perniagaannya bertambah maju dan sebolehnya diturunkan kepada anak-anak beliau.

"Saya ingin menumpukan kepada kontrak hiasan dalaman rumah ataupun masjid-masjid yang mana prospeknya adalah lebih tinggi.

"Bagi anak-anak mewarisi kerja tangan saya, saya masih belum dapat lihat sebab mereka masih kecil lagi," katanya yang banyak memperoleh dorongan keluarga untuk terus berkecimpung dalam bidang berkenaan sehingga kini.

Bagi tempahan, tempoh sekurang-kurangnya dua minggu adalah diperlukan dan musim paling sibuk bagi Khalid adalah sebelum bermulanya bulan Ramadan setiap tahun.

Walaupun berdepan dengan pelbagai persaingan dalam bidang keusahawanan tersebut, apa yang lebih penting kepada beliau adalah kepuasan hasil reka bentuk yang dihasilkan.

Pernah menceburi bidang perniagaan penjahitan, menjual telekung dan kopiah, namun, seni khat atas kaca tetap memberi kepuasan kepada diri Khalid terutamanya apabila hasil kerja seninya tersergam indah di dinding-dinding masjid serata tempat.



MENGELAP hasil kerja yang telah siap.

**INFO :**
**253, Permatang Keriang,**
**13100 Penaga, SPU.**
**013 - 471 9096 / 011 - 106 95988**

# "Alen Castello" mahu jadi *rocker* tak lupa Tuhan

**ALAN** Castello merupakan salah seorang lagi "fenomena bintang rock laman sosial.

Lagu *She's Gone* nyanyian asal Miljenko Matijevic dari kumpulan *Steelheart* dinyanyikannya secara live.

Sebanyak 353,427 kali didengar oleh warga media baru 2.0, apabila dimuat naik dalam *youtube*, sejak setahun lalu.

Kemunculan Alen Castello atau nama sebenarnya Mohd. Azlan Ahmad dalam rancangan realiti tv Pencetus Ummah (PU) musim terbaru sekali lagi menggamit perhatian para peminatnya.

Wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** sempat "mencuri masa" Mohd. Azlan secara eksklusif untuk memenuhi ruang Wawancara keluaran kali ini.

"Tiada niatpun untuk saya menjadi penyanyi, tiba-tiba nyanyian saya di *Youtube* menarik perhatian anak muda.

"Selalunya ustaz duduk di mimbar, jarang ada ustaz yang duduk di jalanan bersama anak-anak muda untuk tujuan agama.

"Kadang-kadang saya sendiri berasa seperti melawan arus, saya tidak sangka yang saya memilih melakukan kerja-kerja dakwah di luar masjid seperti sekarang ini," seloroh beliau.

Mohd. Azlan sudah berkeluarga dan mempunyai tiga cahaya mata.


"ALEN Castello" ketika di studio rakaman.

Tiap-tiap malam, beliau bersama isteri membuka gerai *char koey teow* di pinggir jalan berhampiran dengan Stesen Petronas Batu Feringghi.

Walaupun telah mempunyai nama dalam dunia selebriti, Mohd. Azlan berkata, beliau tidak malu untuk mengaku bahawa kerjaya sebenarnya adalah sebagai penjaja tepi jalan.

Malah, katanya, beliau tidak sangka akan menyertai PU, selepas dikejar oleh banyak pihak di laman sosial.

"Menyanyi ini hobi sahaja dan tiada pun dalam senarai kerjaya saya.

"Seperti orang lain, *Facebook* ini adalah medan dakwah saya dengan orang muda, tetapi tak begitu interaktif.

"Tetapi, apabila mereka tahu penyanyi lagu *She's Gone* itu adalah seorang Tok Imam Masjid dan Tok Khatib, hampir 70 peratus rakan-rakan *Facebook* mula bertanya soalan dan berkongsi ilmu berkaitan agama.

"Apabila saya fikir balik, apalah salah kiranya saya menggunakan suara yang Allah anugerahkan ini untuk dakwah dan tarik anak muda untuk kembali pada jalan Islam," jelas Mohd. Azlan.

## *Busking*

Baginya, Pulau Pinang seharusnya menjadi kota kesenian rakyat, termasuk menyusun budaya *busking* atau kugiran untuk menarik pelancong ke negeri ini.

"Di Batu Feringghi sendiri, adalah salah satu destinasi pelancong asing, sepatutnya, jangan dilarang budaya *busking*.

"*Busking* adalah salah satu budaya muda-mudi, dan bukan semua buskers tak baik.

"*Busking* ini pun mula popular setahun dua ini saja, dan saya kenal inipun apabila pelawa mereka busking di gerai makan saya....di sini saya nyanyi lagi *She's Gone*.

"Apabila masuk waktu, saya ambil peluang ajak kawan solat sebab baik buruk kita yang busking ini bergantung pada diri kita sendiri.

"*Busking* ini pun akan jadi masalah sekiranya mengganggu trafik atau komuniti sekeliling, tetapi jika diurus dengan cantik, tiada masalah sebenarnya.

"Sebab itu, perlu ada satu-satu tempat khusus untuk *busking*, barulah mereka boleh mematuhi syarat-syarat yang digariskan oleh pihak berkuasa.

"Apa salahnya diterapkan di Pulau Pinang, kerana Pulau Pinang memang kota kebudayaan dan kota kesenian, dan perlu ada *street art* termasuk *busking* untuk tarik pelancong," tambahnya.

## Rakam Album

Kini, Mohd. Azlan memberitahu bahawa beliau telah ada tiga *single song* berjudul Benak Ini, Kasih, dan Kau Tetap Dihatiku.

"Tinggal tujuh lagi lagu akan dirakamkan, untuk menerbitkan album pertama.

"Semua lagu ini langsung tiada unsur-unsur kecintaan kepada makhluk, semuanya Allah semata-mata, kalau adapun, sekadar memuji ibu bapa sahaja," jelas Mohd. Azlan lagi.

## "Ustaz Selebriti"

Mohd Azlan mengaku, khalayak banyak mempersoal trend artis berhenti terus berlakon atau menyanyi apabila terjun dalam politik dan dunia dakwah.

Namun, beliau mahu terus kekal identitinya, sebagai Tok Imam Masjid, penyanyi jalanan dan peniaga *char koey teow*.

"Sebenarnya, masing-masing mempunyai identiti.

"Bagi saya pun, selepas mengenal jalan dakwah barulah saya menyanyi, ertinya saya ini terbalik daripada 'orang masjid' menjadi penyanyi.

"Saya rasa, identiti ini biarlah saya kekalkan, walaupun ada pandangan serong daripada segelintir masyarakat.

"Dalam TV memang ada banyak 'Ustaz Selebriti' seperti Ustaz Aqil Hayy dan Ustaz Kazim Elias Al-Hafiz sendiri, tetapi saya nak jadi diri sendiri, iaitu wajib menyampaikan seruan agama," jelas beliau sambil menganggap PU sebagai medan dakwah.

## Harapan

Mohd. Azlan memberitahu bahawa beliau berharap dapat menyumbang sesuatu kepada ummah, khususnya generasi muda.

"Kepada semua anak muda, macam mana pun kita, apapun yang kita buat, yang paling penting sekali jangan diabai sujud kepada Allah dan mendongak ke langit (berdoa).

Kedua, kena merebut ilmu kerana ilmu adalah cahaya. Paling kurang, anak-anak muda kena tuntut ilmu Tauhid, Ilmu Fekah dan Ilmu Tasawuf.

"*Rock* macam mana pun kita, Allah jangan lupa *Bro*.," seloroh beliau.



GAMBAR persembahan langsung "Alen Castello" yang dimuat naik dalam laman sosial *Youtube*, serta ditonton lebih 353,000 pengunjung.

# MBPP senarai hitam pemandu parkir tanpa kupon, tidak bayar kompaun

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Parkir kenderaan tanpa kupon di bahagian pulau bukan sahaja berdepan risiko saman oleh Penguatkuasa Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), malah, akan disenaraihitamkan kelak jika tidak membayar kompaun berwajib.

Setiausaha MBPP, Ir. Ang Aing Thye berkata, pihaknya pertimbang untuk bekerjasama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) supaya langkah menyenaraihitamkan pesalah trafik berwajib boleh dilaksanakan secara komprehensif membabitkan kedua-dua pihak.

"Oleh kerana Pulau Pinang kini diberi status bandar raya, kami (MBPP) telah mengambil inisiatif untuk berunding dengan JPJ bagi menyenaraihitamkan para pesalah trafik," jelasnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar MBPP).

Tambah Aing Thye, syor menyenaraihitamkan pesalah trafik tegar wajar dipertimbang memandangkan MBPP sebelum ini acapkali digambarkan tidak serius dalam melaksanakan polisi parkir berkupon.

Sebelum itu, Aing Thye turut memberi penjelasan mengenai laporan berita beberapa akhbar harian berhubung dakwaan pihak Perkhidmatan Alam Indah Sdn. Bhd. mengalami kerugian jutaan ringgit disebabkan kelemahan penguatkuasaan MBPP ke atas salah guna parkir berwajib.

"Kami (MBPP) mempunyai 60 pegawai penguatkuasa dan saman parkir (mereka) yang tidak meletakkan kupon bukannya isu di sini.

"Adalah tidak benar dakwaan kononnya bahagian penguatkuasaan lemah sehingga syarikat pengendali parkir, Perkhidmatan Alam Indah Sdn. Bhd. mengalami kerugian," jelas beliau.

Aing Thye memberitahu, kira-kira 7,530 pesalah trafik dikenalpasti mempunyai lebih 10 saman yang masih belum dibayar secara tegar.

"Difahamkan, sebanyak 435,520 saman parkir dikeluarkan pada tahun 2014 dan seramai 3,500 pesalah trafik telahpun dirujuk ke mahkamah atas pelbagai kesalahan.

"Manakala, sehingga bulan September tahun ini pula, direkodkan, 407,784 saman lain dikeluarkan, dengan 3,568 pesalah trafik turut diheret ke mahkamah," ujarnya.



**CHOW Kon Yeow (dua dari kanan), Patahiyah Ismail (kanan sekali) dan Ir. Ang Aing Thye (dua dari kiri) menunjukkan beberapa keratan akhbar dan kenyataan media berhubung isu sistem parkir berkupon MBPP pada sidang media di sini baru-baru ini.**








**PROF. Dr. P. Ramasamy (tiga dari kanan), A. Thanasekharan (tiga dari kiri), Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) dan P. David Marshel (dua dari kiri) bergambar dengan salah seorang pemenang program Larian Basmi Arak Murak MPSP di sini baru-baru ini.**

# Larian Sihat bawa mesej 'hapuskan arak murah'

Gambar : **G. REVATIC**

**BAGAN DALAM –** Lebih 500 peserta menyertai Larian Sihat Basmi Arak Murah anjuran bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Gerakan Anti Arak Murah Malaysia di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy berkata, kempen kesedaran mengenai bahaya arak murah oleh semua pihak hanya akan berjaya sekiranya ada penguatkuasaan undang-undang berwajib dari agensi keselamatan Pusat.

"Melalui program seumpama ini, kita mahu menghantar mesej ke semua kawasan-kawasan yang terdapat aktiviti penjualan arak murah, bahawa semua kita komited untuk menghapuskan minuman berbahaya itu.

"Kita perlu gandakan kempen kesedaran dengan melibatkan semua pihak, kerana ia akan membantu pihak berkuasa mencegah aktiviti penjualan arak murah ini," tegasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai sebelum acara pelepasan Larian Sihat Basmi Arak Murah di sini baru-baru ini.

ADUN Bagan Dalam, A. Thanasekharan, Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif, Setiausaha Majlis MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta dua Ahli Majlisnya, P. David Marshel dan M. Satees turut menyertai acara tersebut.

David Marshel dalam ucapannya memberitahu bahawa gerakan sivil untuk memansuhkan arak murah telah memperoleh lebih 25,000 tandatangan.

Difahamkan, larian ria sejauh 4.5 kilometer itu bermula dari Padang Bandaran MPSP dekat Butterworth melalui Jalan Kampung Bengali, Jalan Telaga Air, Jalan Raja Uda, Jalan Kampung Paya, Jalan Kampung Gajah, Jalan Bagan Luar dan kembali ke garisan permulaan.

Selain itu, acara senamrobik turut dilangsungkan di Padang Bandaran MPSP di sini.

Terdahulu, kempen membasmi arak murah dilancarkan pada bulan Julai lalu, antara lain demi mengurangkan risiko kematian akibat sakit barah, khususnya daripada keluarga berpendapatan rendah dan miskin.

# SPICE Kanopi, Pusat Akuatik jangka buka Dis.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**



LAKARAN grafik keseluruhan projek SPICE apabila siap kelak.



PINTU masuk ke Pusat Akuatik SPICE yang siap dinaiktaraf.



LUPA bentuk kolam renang bersaiz olimpik.

**BAYAN BARU –** SPICE Kanopi dan Pusat Akuatik, *Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre* (SPICE) atau Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang dijangka memulakan operasi Disember ini.

Pengurus Kanan Teknikal S.P. Setia Bhd. Group, Ir. Tang Song Teik memaklumkan pusat-pusat rekreasi yang masing-masing menelan belanja RM28 juta dan RM16 juta tersebut telah siap sepenuhnya.

“Dua komponen tersebut masing-masing telah siap pada September dan awal Oktober lalu.

“SPICE Kanopi berkeluasan 98,000 kaki persegi adalah terdiri daripada 59 ruang sewa runcit dan petak meletak kereta (108).

“Manakala, pusat akuatik dilengkapi kemudahan taman tema air kanak-kanak termasuk *party corner*, kolam renang bersaiz olimpik, gimnasium, gelanggang badminton dan skuasy,” ujarnya pada sesi lawatan tapak bersama-sama pihak media di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow merupakan jemputan khas sesi berkaitan.

Turut sama, Pengarah Kawalan Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan wakil kontraktor, syarikat SP Setia Sdn. Bhd. (SP Setia), Pengurus Besar S.P. Setia Bhd. Group, Ng Han Seong.

Tambah Song Teik, pusat akuatik bakal dilengkapi kemudahan sistem bumbung solar yang mampu menjana sejumlah 984 mwh *(mega watt-hour)* setahun.

“Kami telah menambah baik sistem PV solar di atas bumbung dengan jumlah pelaburan sebanyak RM4 juta.

“Ia adalah sistem PC solar komersial yang terbesar di Pulau Pinang,” jelas beliau.



TAMAN tema air kanak-kanak yang telah siap dinaiktaraf.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu bahawa beliau berpuas hati dengan perkembangan dan kemajuan projek SPICE, meskipun pada dasarnya tahap penyiapan kerja sepatutnya mencapai 82 peratus berbanding 80 peratus kini.

“Kelewatan ini adalah disebabkan faktor cuaca dan bekalan bahan mentah.

“Bagaimanapun, menjelang hujung tahun depan (2016), saya percaya SPICE akan menjadi satu tarikan baru di Pulau Pinang dan sebuah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa.

“Ia akan menjadi magnet baru buat orang ramai dan medan MICE *(Meetings, Incentives, Conferences and Events)* di kawasan Utara,” ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Difahamkan, komponen berasingan yang dijangka memulakan pembinaan pada suku pertama tahun 2016 adalah Hotel SPICE dengan anggaran nilai pembinaan sebanyak RM300 juta.

Di bawah projek SPICE, infrastruktur stadium utama dalam kawasan bekas tapak Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) akan dinaiktaraf, manakala, struktur-struktur lain bakal diroboh dan didirikan binaan serta struktur lebih moden dan dinamik.

Tawaran pembinaan SPICE bernilai RM300 juta adalah menerusi sistem tender terbuka M B P P yang mana ia dimenangi SP Setia.

Pusat tersebut bakal memenuhi keperluan yang mendesak untuk sebuah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa di Pulau Pinang dan wilayah utara yang mana ia akan menjadi satu pembangunan ikonik, iaitu sebuah pusat konvensyen *‘subterranean’* pertama di Malaysia yang mempunyai landskap taman hijau di atas bumbungnya.

# MBPP Dragon rangkul tempat ketiga kejohanan perahu naga antarabangsa

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **MBPP**



AKSI pasukan-pasukan yang berentap.



SKUAD MBPP Dragon meraikan kejayaan selepas diumumkan sebagai pemenang tempat ketiga pada *5th Korea Open Busan International Dragon Boat Festival 2015* di Korea baru-baru ini.

**GEORGE TOWN –** Skuad perahu naga Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), MBPP Dragon mengharumkan nama negara apabila berjaya merangkul tempat ketiga pada temasya perahu naga antarabangsa, *5th Korea Open Busan International Dragon Boat Festival 2015* di Korea baru-baru ini.

Mereka membawa pulang sebuah trofi kejohanan, medal dan plak penghargaan.

Ketika ditemui pada sidang media khas di sini, jurulatih skuad *MBPP Dragon*, Harjit Singh ternyata teruja dan berbangga dengan pencapaian anak didiknya.

“Skuad kami masih ‘setahun jagung’, apabila layak menyertai temasya di peringkat antarabangsa dan lebih manis melakar kemenangan tempat ketiga pula, pastinya saya berbangga,” katanya.

Skuad MBPP Dragon merupakan satu-satunya wakil dari Pulau Pinang yang dipilih mengibar cabaran negara ke temasya tersebut.

Dengan kekuatan 30 pendayung, skuad berkaitan juga pernah menyertai beberapa temasya di persada antarabangsa antaranya, *Taipei International Dragon Boat Championship 2014, Guangzhou International Dragon Boat Festival 2013, 1st Celebes International Dragon Boat* dan *Adelaide International Dragon Boat Race*.

Sejumlah 10 negara menyertai kejohanan berkenaan antaranya, Singapura, Australia, Macau, Korea Selatan, Amerika Syarikat, Filipina, China, Hong Kong dan Rusia.

Dalam pada itu, Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohamed Noor dan S. Sukumar turut berbangga dengan pencapaian skuad MBPP Dragon.

“Tahniah, kepada skuad perahu naga MBPP atas pencapaian tempat ketiga di Busan, Korea.

“Pencapaian cemerlang tersebut bukan sahaja mengharumkan nama Pulau Pinang di mata dunia, tetapi juga membawa nama Malaysia,” kata Mohamed Yusoff.

*Korea Open Busan International Dragon Boat Festivals* merupakan temasya tahunan dalam mempromosikan Busan sebagai salah sebuah bandar yang aktif dan berprestasi tinggi dalam sukan perahu naga.

Tahun ini merupakan tahun kelima penganjurannya yang diadakan di Sungai Suyeong, APEC Naru Park, Haeundae, Busan.

# Konvoi Amal Balik Pulau rai 200 asnaf



MOHD. Rashid Hasnon (barisan depan, lima dari kiri) merakam gambar kenang-kenangan bersama-sama sebahagian peserta Konvoi Amal Balik Pulau 2015 di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **PPK**

**PULAU BETONG –** Walaupun jarak perjalanan hanya mengambil masa empat jam, Konvoi Amal Balik Pulau 2015 yang disertai kira-kira 120 peserta termasuk penunggang motosikal berkuasa besar tetap meriah dan bermanfaat.

Masakan tidak, selain berkonvoi beramai-ramai mengunjungi beberapa lokasi hentian, para peserta turut meluangkan masa beramah-mesra dengan penduduk setempat.

Menurut Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail, selain mengeratkan ikatan silaturahim dengan penduduk setempat, objektif utama penganjuran adalah menyampaikan sumbangan kepada golongan memerlukan.

"Konvoi amal kali ini bukan semata-mata melaksanakan tanggungjawab korporat sosial (CSR) terhadap golongan yang kurang berkemampuan atau asnaf, malah juga memberi peluang kepada para peserta menyelami kehidupan keluarga-keluarga ini," katanya ketika ditemui Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon hadir menyempurnakan pelepasan konvoi amal di Taman Poket, Teluk Kumbar di sini sebelum peserta konvoi bergerak ke Masjid Pulau Betong, Pusat Khidmat PPK Pulau Betong, Pusat Khidmat PPK Teluk Bahang dan berakhir di Taman Negara Pulau Pinang, Teluk Bahang.

Hadir sama, Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Abdul Halim Hussain, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Muhammad Baktiar Wan Chik dan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Seramai 200 asnaf menerima sumbangan hamper dan wang tunai pada program anjuran bersama Pusat Khidmat PPK Pulau Betong, Pusat Khidmat PPK Teluk Bahang dan MBPP berkenaan.

Dalam pada itu, PPK Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid ketika ditemui menyatakan keterujaannya apabila konvoi amal yang julung kali diadakan secara bersama tersebut mendapat sambutan baik terutama dalam kalangan belia.

"Ini (konvoi amal) merupakan usaha yang murni untuk membantu meringankan beban mereka yang memerlukan (asnaf), di samping meraikan mereka dalam majlis yang serba ringkas tetapi meriah.

"Saya juga ingin memuji penyertaan belia dalam program kali ini kerana penglibatan mereka adalah amat penting demi kelangsungan masa hadapan," ujar beliau.



DIF-dif jemputan menyempurnakan majlis pelepasan para peserta.



HALIL Sabri Hamid (bertopi jingga) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima. Turut serta Mohd. Tuah Ismail (dua dari kiri).

## ADUN harap PPTDI jadi pelengkap kejiranan mampan



YEOH Soon Hin (barisan depan, lima dari kiri) bersama-sama sebahagian ahli PPTDI menunjukkan tanda bagus sejurus pelancaran penubuhan persatuan berkenaan di sini baru-baru ini.

Gambar : **ADUN**

**PAYA TERUBONG –** Sejajar dengan misi untuk mewujudkan persekitaran kejiranan yang mampan dan sejahtera, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin baru-baru ini melancarkan penubuhan Persatuan Penduduk Taman Desa Intan (PPTDI) di sini.

Menurut Soon Hin, PPTDI akan berperanan untuk mendengar permasalahan penduduk Taman Desa Intan yang merangkumi enam blok, iaitu Blok 7A hingga Blok 7F.

"Mereka (PPTDI) ini berperanan menjadi perantaraan dan denyut nadi penduduk setempat seterusnya membangkitkan permasalahan tersebut terus ke pengetahuan pihak berwajib mahupun Kerajaan Negeri.

"Selain itu, penubuhan PPTDI juga untuk menggalakkan penyertaan penduduk dalam proses pembangunan kawasan, membantu menangani permasalahan berkaitan kesejahteraan bandar dan sekaligus mewujudkan suasana kejiranan yang baik," katanya dalam suatu kenyataan di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Soon Hin memberitahu bahawa penubuhan PPTDI merupakan hasil inisiatif penduduk sendiri yang mahu melihat kesejahteraan kawasan setempat terus terpelihara.

"Umum mengetahui selain JKKK (Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti), persatuan penduduk juga memainkan peranan membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam merancang dan melaksanakan sebarang projek pembangunan di kawasan kediaman masing-masing.

"Malah, peranan mereka (persatuan penduduk) juga menyerupai (peranan) JKKK yang mana perlu mendengar permintaan, aduan serta keperluan penduduk dari peringkat akar umbi.

"Oleh itu, saya berharap PPTDI akan menjadi pelengkap ke arah kesejahteraan kejiranan yang sihat dan mampan," jelas beliau.

## Buang rasa malu, jalani saringan mamogram, seru ADUN

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**



LIM Siew Khim (berdiri, kiri sekali) dan doktor bertugas membantu golongan wanita terpilih mengisi maklumat peribadi masing-masing pada penganjuran Program Saringan Mamogram Ke-empat Menerusi MammoPenang KADUN Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

**SUNGAI PINANG –** Seramai 29 wanita dari Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Pinang terpilih menjalani saringan mamogram secara percuma menerusi Program MammoPenang di Pusat BP Healthcare (BP) Jalan Sultan Ahmad Shah di sini baru-baru ini.

Penganjuran saringan kali ke-empat tersebut menawarkan pemeriksaan mamogram secara percuma kepada golongan wanita berusia 35 tahun dan ke atas serta merupakan pengundi berdaftar di negeri Pulau Pinang.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim berkata, Kerajaan Negeri bertekad meningkatkan kesedaran kaum wanita berhubung ancaman kanser payudara melalui pelaksanaan program berkaitan.

"Kerajaan Negeri benar-benar sayangi wanita Pulau Pinang.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) mahu setiap wanita mempunyai kesedaran untuk menjalani saringan pemeriksaan payudara secara berkala.

"Kesedaran dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan wanita masih rendah didorong oleh rasa malu sehingga menyebabkan ramai yang tidak ambil peduli untuk menjalankan pemeriksaan berkala payudara," katanya ketika ditemui pada penganjuran Program Saringan Mamogram Ke-empat Menerusi MammoPenang KADUN Sungai Pinang di sini baru-baru ini.

Turut diadakan, forum kesedaran dan pemeriksaan kesihatan secara percuma.

# Salur maklumat rekod kes kemalangan Jalan Mt. Erskine




YAP Soo Huey (tengah) ketika mengadakan lawatan ke kediaman Loh Ngai Chun (dua dari kanan) di sini baru-baru ini.

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**PULAU TIKUS –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey menyeru para pengguna Jalan Mount Erskine terutamanya pejalan kaki dan penunggang motosikal agar lebih berwaspada ekoran kesibukan laluan berkenaan yang boleh mengundang bahaya.

Soo Huey meminta agar para pengguna jalan raya terbabit dapat membantunya menyalur maklumat serta merekodkan kes kemalangan yang berlaku di sepanjang laluan berkenaan melalui laman *Facebook* baharu iaitu */www.facebook.com.RekodKemalanganJalan MtErskine*.

"Orang ramai khususnya pengguna jalan raya perlu sedar akan kepentingan data yang direkodkan ini adalah bagi kegunaan jabatan-jabatan kerajaan seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) untuk mengenalpasti tindakan lanjut selain memberi gambaran penuh bagaimana mereka (jabatan-jabatan kerajaan) dapat merancang serta menggunakan peruntukan tahunan dalam mengatasi masalah keselamatan jalan raya.

"Oleh sebab itu, saya menggalakkan agar pengguna jalan raya di sini supaya mengambil bahagian menjayakan kempen keselamatan jalan raya dengan menyumbangkan data di laman *Facebook* seperti yang tertera," katanya ketika mengadakan lawatan terhadap salah seorang mangsa kemalangan laluan berkaitan di Taman Bukit Erskine di sini baru-baru ini.



LALUAN Jalan Mt. Erskine.

Mangsa berkaitan, Loh Ngai Chun, 30.

Mengulas lanjut, Soo Huey turut meminta kerjasama orang ramai supaya memuatnaik maklumat atau sebarang rekod termasuk laporan polis berkaitan kemalangan yang berlaku di jalan tersebut sejak tahun 2012.

"Rekod kemalangan lampau yang berlaku sejak tahun 2012 juga diperlukan bagi membolehkan pihak saya mengumpul serta merekodkan jumlah kes kemalangan di sini serta membangkitkan isu ini kepada pihak berwajib," ujar beliau.

Tambahnya, sejak dua tahun lalu, isu keselamatan laluan di Jalan Mount Erskine telah dibangkitkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Malah, MBPP turut mencadangkan laluan sambungan sejauh 200 meter antara Jalan Mount Erskine dan Jalan Burma bagi meningkatkan tahap keselamatan di sini.

"Inisiatif tersebut adalah selain meminta pemaju projek perumahan berdekatan pasar Mount Erskine memasang lampu isyarat di laluan masuk dan mewujudkan laluan pejalan kaki yang mesra pengguna," jelas beliau.

Jalan Mount Erskine merupakan laluan lurus yang berbukit dengan had kelajuan ditetapkan pada 60km/j.

Namun, pengguna jalan raya terutamanya kereta dan lori didapati jarang mematuhi arahan papan tanda termasuk berhenti di lampu isyarat di persimpangan Ladang Hong Seng dan Jalan Choong Lye Hock berdekatan kuarters pendidikan.

# Naiktaraf jalan & longkang atasi banjir

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **KOAY SHIANN HUAH**

**AIR ITAM –** Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai menolak dakwaan menyatakan bahawa faktor pembangunan berlebihan di kawasan Jalan Thean Teik di sini merupakan punca berlakunya kejadian banjir baru-baru ini.

Menurutnya, banjir kilat hanya akan berlaku sekiranya hujan turun dengan sangat lebat dan keadaan serta kapasiti longkang sedia ada tidak mampu menampung kuantiti air tersebut dan secara tidak langsung memperlahankan aliran ke Sungai Dondang.

"Justeru, dakwaan yang mengatakan pembangunan melampau adalah tidak benar kerana jalan raya dan longkang di sini sedang dinaiktaraf bagi mengatasi punca masalah ini," katanya ketika mengadakan lawatan ke lokasi projek terbabit di sini baru-baru ini.



WONG Hon Wai (tiga dari kiri) ketika meninjau perkembangan kerja-kerja menaiktaraf laluan dan longkang di Jalan Thean Teik di sini baru-baru ini.




KEADAAN laluan kini.

Mengulas lanjut, Hon Wai memberitahu bahawa projek pelebaran jalan dan penaiktarafan longkang sedang giat dijalankan di laluan berhadapan pasar raya Sunshine Square, Farlim.

"Projek laluan dan longkang sepanjang 200 meter ini dijangka siap menjelang pertengahan tahun 2016 dari Taman Treasure View hingga ke Sungai Dondang di sini," jelas beliau.

Projek naiktaraf di bawah kontraktor Farlim Group (Malaysia) Sdn. Bhd. bakal melebarkan jalan dari dua lorong kepada empat lorong dan longkang seluas 0.3 meter kepada 1.2 meter lebar.



TEH Lai Heng (kanan sekali) sambil diperhatikan Mohamed Yusoff Mohamed Noor (dua dari kanan) memberikan bubur asyura kepada salah seorang umum di sini baru-baru ini.

# ADUN edar bubur asyura

**BUBUR ASYURA SEMPENA AWAL MUHARAM...** Sempena sambutan Maal Hijrah 1437H, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar dan Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengambil inisiatif mengagihkan 600 pek bubur asyura kepada umum di sini baru-baru ini.

ADUNnya, Teh Lai Heng dalam pada itu memuji Ahli Majlis MBPP berkaitan, Mohamed Yusoff Mohamed Noor ekoran kejayaan pelaksanaan program yang julung kali diadakan itu.

Bubur asyura ialah bubur yang dibuat dengan pelbagai campuran ramuan pada 10 Muharram iaitu pada Hari Asyura. Ia juga dikenali sebagai sugha.

Bubur asyura mesti mempunyai 10 jenis ramuan, sekiranya lebih atau kurang, maka bubur tersebut bukannya bubur asyura. Setiap negeri, terutama negeri-negeri di Semenanjung mempunyai bubur asyura yang berlainan rasa serta ramuan dan keadaan tersebut telah mempengaruhi teknik pemasakannya.

# Pertama di MALAYSIA

## Rakyat Pulau Pinang menikmati dividen kerajaan baik *One-Off:*

Pertama di Malaysia

DAFTARLAH SEKARANG! di pejabat ADUN ANDA!

**RM1,000** Urusan Jenazah

**RM1,000** IPTA

**RM200** Bayi dilahirkan di Pulau Pinang

Pelajar (Tahun 1 & 4, Tingkatan 1 & 4)

## RM100 / tahunan :

- Warga Emas
- Ibu Tunggal
- OKU
- Suri Rumah

**RM100 sebulan** Penarik Beca

**RM600 tahunan :** Pemandu Teksi

Sumbangan pukat 2 kali setahun: Nelayan

*Tertakluk pada syarat

## Pulau Pinang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat




# Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang

**Tema:**

1. Hentikan Keganasan. Hormati Wanita.
2. Jangan Berdiam Hingga Terlambat. Bersama-sama Kita Hentikan Keganasan Terhadap Wanita & Kanak-kanak Perempuan.
3. Hentikan Keganasan Terhadap Wanita Untuk Realisasikan Kesaksamaan Gender.

**Kategori I:** 12 tahun & ke bawah
**Hadiah:** 1: RM300 2: RM200 3: RM100

**Kategori II:** 13 – 17 tahun
**Hadiah:** 1: RM400 2: RM300 3: RM200

**Kategori III:** 18 tahun & ke atas
**Hadiah:** 1: RM500 2: RM400 3: RM300

Anjuran oleh:

PWDC Penang Women's Development Corporation

buletin Mutiara

### Borang Penyertaan

Nama: ______________________

No. MyKid / IC: ______________________

Alamat: ______________________

______________________ Kategori: ______

Ibu Bapa / Penjaga: ______________________
(Kategori I & II sahaja)

No. Tel. (Rumah): __________ No. Tel. (Bimbit): __________

Alamat E-Mel: ______________________

**Terma & Syarat Pertandingan;**

1. Pertandingan dibuka dari 25hb September hingga 25hb November 2015.
2. Pertandingan ini adalah terbuka kepada penduduk negeri Pulau Pinang sahaja.
3. Poster mesti direka berdasarkan satu daripada tiga tema peraduan dan perlu mengandungi frasakata tema yang diberikan.
4. Para peserta boleh menggunakan sebarang jenis kertas bersaiz A3. Penggunaan jenis peralatan melukis adalah bebas termasuk digital.
5. Semua penyertaan mesti dihantar dalam bentuk salinan cetak / salinan keras (*hard copy*), termasuk rekacipta digital.
6. Semua penyertaan mesti dihantar bersama-sama borang penyertaan yang asal. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan.
7. Semua penyertaan adalah hak milik pihak penganjur.
8. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan di Majlis Penutupan Kempen Penang Goes Orange.
9. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-261 2835 / 04-261 5261 atau e-mel, info@pwdc.org.my
10. Hantar penyertaan anda sebelum atau pada 25hb November 2015 kepada:

**Buletin Mutiara,**
**Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang**
**Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**